

**WARISAN SENI BUDAYA DAN PELANCONGAN
NEGERI KELANTAN**

Kertas Projek ini diserahkan kepada Sekolah Siswasah untuk
memenuhi keperluan sebahagian daripada pengajian
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)
Universiti Utara Malaysia

Oleh

Zaharan Bin Hussain

© Zaharan, 2000. Hak Cipta Terpelihara



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

ZAHARAN HUSSAIN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

WARISAN SENI BUDAYA DAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
*(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).*

Nama Penyelia
(Name of Supervisor): Dr. Ismail bin Lebai Othman

Tandatangan
(Signature)

: 

Tarikh
(Date)

: 9/9/00.

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada pengajian lepas ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mengadakan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian kertas projek ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada :

Dekan Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok,
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kajian terhadap warisan seni budaya masyarakat Kelantan dan kesannya terhadap perkembangan industri pelancongan di Kelantan merupakan satu kajian berbentuk saintifik bertujuan untuk melihat dan meninjau sejauhmana tarikan warisan seni budaya tradisi masyarakat mempengaruhi pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri untuk datang ke Kelantan dan menjadikanya satu modal utama untuk membangunkan industri pelancongan selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Kelantan untuk memajukan sektor ini dengan jayanya.

Warisan seni budaya sebagai alat utama pemasaran industri pelancongan negeri Kelantan yang menjadi subjek kajian dilihat daripada empat sudut iaitu sosio-budaya masyarakatnya, hasil kerjatangannya, permainan tradisi rakyatnya , dan seni persembahan tradasi masyarakatnya. Dari hasil kajian, didapati pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri datang ke Kelantan adalah kerana negeri Kelantan mampu menawarkan pelbagai sumber tarikan yang tersendiri iaitu, disamping keunikan warisan seni budaya masyarakatnya, pelancong-pelancong juga tertarik dengan keadaan semulajadi pantainya yang cantik dan menarik disamping permandangan suasana kampung yang indah.

Hasil dari temubual dengan para pelancong melalui soal-selidik dan pemerhatian, serta perbincangan dengan pihak-pihak pengurusan yang berkenaan, beberapa cadangan untuk memperbaiki kelemahan dan masalah yang wujud telah dapat dikumpulkan. Adalah diharapkan bahawa cadangan-cadangan ini dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk memperbaiki kelemahan ke arah kemajuan berterusan industri pelancongan negeri Kelantan.

ABSTRACT

A study of relationship between Kelantan's cultural heritage and tourism was conducted throughout the state. The extent of this relationship was analysed through an empirical research. There are certain elements of the cultural heritage found to be potential tourism products that need further development.

It is argued that the rich cultural heritage in the state is capable of attracting tourists to visit Kelantan. The elements of socio-cultural, handicrafts, traditional games and performing arts are independent variables used in this study.

The study shows that local and international tourists came to Kelantan because of its uniqueness in the cultural heritage attractions. Beside its unique culture, Kelantan is able to offer beautiful crystal beaches and fascinating kampung lifestyle.

Result from discussions, interviews and observation among tourism stake holders have led to formulation of some suggestions to help further improve tourism development in the state.

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t di atas izinnya, maka projek ini dapat disiapkan dan menjadi kenyataan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada Penyelia Projek Sarjana saya, Dr. Ismail bin Lebai Othman di atas segala bimbingan, perbincangan dan bantuan yang diberikan disepanjang tempoh penyelian projek sarjana ini.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua kakitangan Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan, PKINK, pihak pengurusan hotel yang terbabit sehingga membolehkan saya menjalankan kajian ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga dihulurkan kepada semua pensyarah Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia yang telah membimbing, memdidik serta memperkayakan ilmu dalam bidang yang berkaitan. Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan di atas segala teguran, dorongan, bantuan serta kerjasama yang diberikan amat dihargai dan akan menjadi kenangan abadi.

Buat isteri dan anak-anak serta seisi keluarga, segala perhatian dan pengorbanan kalian amat disanjung tinggi. Atas segala-galanya, semoga Allah s.w.t sahaja yang akan memberikan ganjaran yang sewajarnya. Insya Allah.

Diabadikan untuk insan tersayang.....

Ayah dan Bonda

Isteriku Najah serta

Anak-anak yang disayang

Luqman Hakim

Nur Hidayah

Terima kasih di atas segala

pengorbanan, kesabaran, dan sokongan

Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalasnya.

KANDUNGAN

Muka surat

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Diabadikan untuk insan tersayang	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Lampiran	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Pembentukan Hipotesis	8
1.5	Kerangka Teoritikal	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi-definisi Konsep	14
1.8.1	Warisan Seni dan Budaya	14
1.8.2	Pelancongan Seni Budaya	16
1.8.3	Festival Seni Budaya Kelantan	17
1.8.4	Pelancong	17
1.8.5	Tarikan Pelancongan	18
1.8.6	Industri Pelancongan	19

BAB 2 ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan	21
2.2	Aspek Budaya Masyarakat Kelantan	24
2.2.1	Kehidupan Suasana Kampung	25
2.2.2	Islam	26
2.2.3	Kesenian, Kraftangan dan Hiburan Masyarakat Kelantan	26
2.3	Sosio-budaya Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	29
2.4	Hasil Seni Kerja Tangan Masyarakat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	33
2.5	Persembahan Seni Tradisi dan Permainan Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	35

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Lokasi Kajian	38
3.4	Populasi dan Persampelan	39
3.4.1	Populasi	39
3.4.2	Sampel	39
3.4.3	Saiz Sampel	40
3.5	Sumber Data	40
3.6	Teknik Pengumpulan Data	40
3.7	Kajian Rintis	41
3.8	Teknik Analisa Data	42

BAB 4 ANALISA DATA

4.1	Pengenalan	43
4.2	Latar Belakang Responden	43
4.2.1	Residen Pelancong	43
4.2.2	Jantina Pelancong	44
4.2.3	Umur Responden	44
4.2.4	Taraf Perkahwinan	45
4.3	Tujuan Lawatan	45
4.4	Jenis Lawatan	46
4.5	Bilangan Lawatan	46
4.6	Sumber Tarikan dan Industri Pelancongan Kelantan	47
4.7	Sosio-budaya Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	49
4.8	Keunikan Hasil Kerja Tangan Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	52
4.9	Permainan Tradisi Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	55
4.10	Persembahan Seni Tradisi Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan	56
4.11	Analisis Realibiliti	58
4.12	Pengujian Hipotesis	60
5.12.1	Hubungan Pelancong dan Dorongan Melancong	63
5.12.2	Hubungan Jantina Pelancong dan Dorongan Melancong	64
5.12.3	Hubungan Umur Pelancong dan Dorongan Melancong	65
5.12.4	Hubungan Taraf Perkahwinan dan Dorongan Melancong	66

5.12.5 Hubungan Pelancong dan kekuatan Pengaruh Warisan Seni Budaya	67
5.12.6 Hubungan Pelancong dan Tarikan Kegigihan Wanita Kelantan	68
5.12.7 Hubungan Pelancong dan Tarikan Sifat Dinamis Masyarakat Melayu Kelantan.	69
5.12.8 Hubungan Pelancong dan Tarikan Penghayatan nilai Islam dan Budaya Timur	70
5.12.9 Hubungan Pelancong dan Tarikan Suasana Selesa di Kelantan	71
5.12.10 Hubungan Pelancong dan Tarikan Sifat Ramah Masra Masyarakat Kelantan	72
5.12.11 Hubungan Pelancong dan Tarikan Pelbagai Jenis Makanan dan Kueh Mueh Tradisional	72
5.12.12 Hubungan Pelancong dan Tarikan Keunikan Hasil Kerja Tangan	73
5.12.13 Hubungan Pelancong dan Tarikan Keunikan Permainan Tradisi Masyarakat Kelantan	74

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	75
5.2 Rumusan Soal-selidik	75
5.3 Rumusan Ujian Hipotesis	83
5.9 Rumusan Penemuan dan Pemerhatian	86
5.10 Cadangan	88

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka surat
1.1	Jumlah kemasukan pelancong domestik dan pelancong antarabangsa ke Kelantan dari tahun 1984 - 1998	4
1.2	Jumlah pendapatan dari sektor pelancongan bagi tahun 1990 - 1998	4
1.3	Purata perbelanjaan pelancong bagi tahun 1990 - 1998	5
2.1	Senarai kedudukan aktiviti dalam Specialty Travel Index	22
4.1	Residen Pelancong	43
4.2	Jantina Responden	44
4.3	Taburan Umur Pelancong	44
4.4	Taraf Perkahwinan	45
4.5	Tujuan Lawatan	45
4.6	Jenis Lawatan	46
4.7	Bilangan Lawatan Responden	46
4.8	Kelantan Menawarkan Pelbagai Sumber Tarikan	47
4.9	Tarikan Warisan Seni Budaya Masyarakat	47
4.10	Keunikan Budaya masyarakat Melayu	48
4.11	Budaya masyarakat Kelantan tetap teguh menghadapi perubahan zaman.	48

4.12	Kekuatan pengaruh warisan seni budaya terhadap pelancongan Kelantan.	49
4.13	Kegigihan kaum wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi.	49
4.14	Sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan bersaing dengan kaum lain dalam merebut peluang-peluang ekonomi.	50
4.15	Penghayatan nilai-nilai Islam dan budaya ketimuran	50
4.16	Perpaduan dan perhubungan erat diantara kaum dan suasana selesa semasa berada di Kelantan.	51
4.17	Sifat ramah mesra masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancongan	51
4.18	Makanan dan kueh-mueh tradisional yang pelbagai dan lazat sebagai sumber tarikan pelancongan.	52
4.19	Ketinggian seni dan mutu hasil kerjatangan masyarakat Kelantan.	52
4.20	Hasil kerjatangan menggunakan daya kreativiti dan imajinasi yang tinggi.	53
4.21	Perasaan bangga memiliki hasil kerjatangan masyarakat Kelantan.	53
4.22	Corak dan bentuk pada hasil kerjatangan melambangkan keperibadian.	54
4.23	Kekuatan pengaruh keunikan hasil kerjatangan sebagai sumber tarikan.	54
4.24	Permainan rakyat sebagai permainan tradisional asli masyarakat.	55
4.25	Cara permainan rakyat dimainkan.	55
4.26	Keunikan permainan tradisional sebagai sumber tarikan pelancongan.	56
4.27	Persembahan seni tradisi dan tarikan pelancongan.	56
4.28	Tarikan persembahan tradisi dari segi aksi, pakaian, bahasa dan muzik.	57

SENARAI LAMPIRAN

Bil	Tajuk Lampiran	Lampiran
1.	Contoh borang soal-selidik (B. Malaysia)	1
2.	Contoh borang soal-selidik (B. Inggeris)	2
3.	Crosstab Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Dorongan Melancong	T1
4.	Crosstab Hubungan Jantina Pelancong dan Dorongan Melancong	T2
5.	Crosstab Hubungan Taraf Perkahwinan Pelancong dan Dorongan Melancong	T3
6.	Crosstab Hubungan Umur Pelancong dan Dorongan Melancong	T4
7.	Crosstab Hubungan Tujuan Melancong dan Dorongan Melancong	T5
8.	Crosstab Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Keunikan Hasil Kerja Tangan	T6
9.	Crosstab Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Keunikan Permainan Tradisi Rakyat	T7

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kelantan sebuah negeri yang terkenal sebagai lubuk budaya, pusat pengajian dan pemancaran Islam dan pusat tradisi intelektualisme yang kukuh sejak zaman berzaman. Dari sebuah negeri yang berkembang dalam sejarahnya, dengan berbagai gelaran seperti gelaran negeri 'Cik Siti Wan Kembang', 'Tanah Serendah Sekebun Bunga', 'Kota Budaya' sehinggalah kepada gelaran 'Kelantan Darulnaim', apapun nama timangannya, kesimpulan yang boleh diambil ialah bahawa Kelantan merupakan taman citra (imej) yang mempunyai identiti dan tegak memperlihatkan wajahnya.

Kelantan sejak sekian lama mampu menghadapi ujian dengan struktur sosio-budayanya yang sukar bergoyang dalam menghadapi perubahan. Keperibadiannya yang tersendiri, sehingga menarik timur dan barat untuk menyelidik. Keunikannya bukan semata-mata kerana loghat Kelantan, tetapi lebih jauh dari itu. Sebut sahaja apa bidangnya, Kelantan mempunyai segalanya. Dalam kesegalaan itulah Kelantan hidup dan berkembang dalam lingkungan masyarakat dan budaya Melayu yang lebih luas (A.Aziz Deraman, dalam Nik Mohamad, 1986)

Kebudayaan tradisi masyarakat Kelantan terpancar daripada warisan kesenian tradisi rakyat dan etnik Kelantan sepertimana dapat dilihat dalam persembahan Mak Yong, Wayang Kulit dan Dikir Barat, kemahiran perusahaan songket, membatik, ukir-mengukir, perusahaan perak dan tembaga, permainan rakyat dan sebagainya.

Watak Kelantan sering dikaitkan dengan watak dinamis. Kedinamisan masyarakatnya terjelma dalam segala lapangan, kehidupan sosio-budaya, politik dan ekonomi. Semangat

berlawan, berlumba, bertanding dan 'bertewah' jelas terdapat dalam permainan kesenian tradisi rakyat seperti dikir barat, rebana ubi, gasing, wau, kertok, lumba perahu dan bentuk-bentuk peraduan lain. Kesannya mereka berlumba dalam lapangan ekonomi dan mempunyai sikap yang sesuai dengan arah pembangunan negara. Jiwa perdagangan dan perusahaan sudah lama sebatu dalam kehidupan masyarakatnya. Demikian halnya penglibatan wanita Kelantan secara cergas dan bersaing dalam segala lapangan dengan kaum lelaki (A.Aziz Deraman, dalam Nik Mohamad, 1986). Keunikan budaya masyarakatnya merupakan satu 'aset' dan dijadikan modal utama dalam menggalakkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negeri.

Kebudayaan yang menjadi amalan setiap kaum dalam masyarakat Kelantan merupakan unsur-unsur pematik untuk pertumbuhan industri pelancongan (Harun, dalam Zainal Abidin, 1990) dan perlu disedari bahawa tujuan utama pelancong-pelancong, terutamanya pelancong asing datang berkunjung ke negara ini adalah untuk meninjau dan melihat dengan lebih dekat akan keunikan budaya yang menjadi amalan hidup masyarakatnya (Aliza, 1996)

Pelancongan di Kelantan telah dikenal pasti sebagai salah satu bentuk industri. Seperti juga industri-industri lain, industri pelancongan mempunyai "komoditi" atau "keluaran" untuk ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan atau pelancong-pelancong. Satu aspek yang membezakan industri pelancongan dengan lain-lain industri adalah ia tidak perlu mengeksport "barangannya", tetapi sebaliknya pelancong domestik dan asing sebagai pelanggan perlu datang dan berada di Kelantan untuk membeli dan menikmati "barangan" keluaran industri pelancongan Kelantan.

Pelancongan merupakan sektor kecil utama dalam sektor perkhidmatan yang mana peranannya dari segi ekonomi khususnya dalam memperolehi pertukaran wang asing dan memperbaiki kedudukan ekonomi negara tidak perlu dipersoalkan lagi (Swarbrooke, 1995). Dalam tahun 1996, sektor ini telah menghasilkan pertukaran wang asing berjumlah RM 11,251 juta. Jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain, sektor ini

merupakan penyumbang kedua terbesar selepas sektor perkilangan kepada pendapatan negara (Aliza, 1996).

Bagi Malaysia, telah dianggarkan bahawa setiap \$1.00 yang dibelanjakan oleh pelancong akan '*generate*' sekurang-kurangnya RM3.27 dalam lain-lain aktiviti ekonomi dalam tahun yang sama (W. Abd.Rahman W. Hassan, 1990).

Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia dan meningkatkan imejnya di mata dunia. Ini dilakukan dengan '*materializing*' suasana persekitarannya, budaya, kesenian dan penduduk yang berbagai kaum yang hidup dalam persekitaran politik yang aman dan stabil.

Negeri Kelantan merupakan salah satu destinasi pelancongan yang menarik dan mempunyai potensi yang besar untuk berkembang pesat di negara ini. Jika diperhatikan kepada data jumlah kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa maka didapati berlakunya pertambahan yang memberangsangkan pada setiap tahun. Berbagai-bagai faktor telah dikaji dan dikaitkan dengan pencapaian Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Jadual 1.1: *Jumlah Kemasukan Pelancong Domestik dan A/Bangsa ke Kelantan
Dari Tahun 1984 - 1998*

Tahun	Pelancong Domestik	Pelancong Antarabangsa	Jumlah
1984	201,135	22,182	223,317
1985	220,012	27,000	247,012
1986	224,816	29,240	254,056
1987	286,213	32,633	318,846
1988	344,106	44,509	388,615
1989	412,782	78,843	491,625
1990	557,255	126,148	683,403
1991	816,479	155,250	971,729
1992	837,315	253,367	1,090,682
1993	915,437	282,929	1,198,366
1994	1,025,799	284,525	1,310,324
1995	1,209,170	391,873	1,601,043
1996	1,668,155	357,797	2,025,952
1997	1,886,508	384,005	2,270,513
1998	2,203,840	426,598	2,630,438

(Sumber: Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan)

Pertambahan jumlah kemasukan pelancong ke Kelantan dengan peningkatan purata perbelanjaan pelancong telah meningkatkan pendapatan sektor ini melebihi sekali ganda dalam tempoh lapan tahun .

Jadual 1.2: *Jumlah Pendapatan Dari Sektor Pelancongan Bagi Tahun
1990 - 1998*

Tahun	Jumlah Pendapatan (RM)
1990	329,246,030.00
1991	443,519,766.00
1992	375,468,633.00
1993	463,858,507.00
1994	473,468,472.50
1995	532,961,198.47
1996	543,055,973.78
1997	684,676,604.50
1998	767,225,140.00

Jadual 1.3: *Purata Perbelanjaan Pelancong Bagi Tahun 1990 - 1998*

Tahun	Purata Perbelanjaan
1990	RM157.00/ orang
1991	RM167.00/ orang
1992	RM132.00/ orang
1993	RM143.50/ orang
1994	RM148.57/ orang
1995	RM332.88/ orang
1996	RM268.05/ orang
1997	RM227.00/ orang
1998	RM202.00/ orang

(Sumber: Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan)

Tahun 1998 adalah merupakan Tahun Melawat Kelantan, sejumlah lebih 2.63 juta pelancong dalam dan luar negeri telah berkunjung ke negeri ini sepanjang tahun 1998 dengan memberikan pendapatan berjumlah melebihi RM767 juta. Jumlah kedatangan pelancong tersebut adalah melebihi sasaran sebenar yang berjumlah 2.5 juta orang yang menjadi sasaran kerajaan negeri apabila melancarkan tahun melawat Kelantan.

1.2 Pernyataan Masalah

Duta Jepun ke Malaysia, Issei Nomuza, ketika berkunjung ke Kelantan pada bulan april 1999, telah mengatakan rasa kagumnya terhadap masyarakat Kelantan kerana masih mempertahankan dan mengekalkan tradisi Melayu dan tidak mudah terpengaruh dengan budaya asing terutamanya budaya-budaya yang dibawa dari negara-negara barat. Katanya “pengekalan warisan tradisi dan budaya asli masyarakat adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan Kelantan terkenal sebagai destinasi tumpuan pelancong dalam dan luar negeri” (Harakah. 7 Jun. 1999).

Dengan penduduk yang berjumlah melebihi 1.4 juta, dengan komposisi 95% adalah bangsa Melayu manakala selebihnya terdiri dari bangsa Cina, India dan Thai. Penduduk Kelantan terkenal dengan sikap ramah dan mudah mesra terutamanya dengan orang-orang yang baru dikenalnya.

Sektor pelancongan telah diberikan prioriti utama dalam agenda pembangunan ekonomi kerajaan negeri Kelantan. Melihat kepada kejayaan Tahun Melawat Kelantan 1998, kerajaan negeri telah meletakkan sasaran untuk menarik seramai 3 juta pelancong untuk melawat Kelantan menjelang tahun 2000. Justeru itu, adalah penting untuk mengetahui aspek-aspek yang terkandung dalam warisan seni dan budaya dan sejauhmanakah warisan seni budaya yang dibanggakan itu mampu menjadi makenisme utama dalam menarik pelancong untuk berkunjung ke Kelantan. Perkaitan antara warisan seni budaya dengan kedatangan pelancong perlu dikenal pasti dengan jelas supaya usaha-usaha dapat digembelingkan untuk memastikan pencapaian matlamat dan sasaran sektor pelancongan bagi negeri Kelantan.

Warisan kesenian dan budaya telah menyumbang kepada tarikan destinasi pelancongan. Dan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, faktor 'budaya' telah didapati merupakan 'alat' pemasaran penting dalam menarik pelancong khususnya yang mempunyai '*special interests*' dalam kesenian dan warisan budaya (Weiler & Hall, 1992). Dalam konteks global, muzium, galeri seni, bangunan dan tempat bersejarah, dan festival seni serta kebudayaan telah menjadi pendorong utama kepada aktiviti pelancongan (Zeppel & Hall, dalam Weiler & Hall, 1992)

Warisan seni budaya dapat memberikan identiti yang jelas tentang sesuatu masyarakat. Budaya Kelantan adalah unik yang membuatkan masyarakat Kelantan berbeza dengan masyarakat lain. Identiti Kelantan bukan sahaja terpancar melalui bahasa dan keperibadian masyarakatnya tetapi lebih jauh daripada itu. Masyarakat yang telah dibentuk dengan warisan budaya sedemikian telah berupaya melahirkan sebuah masyarakat yang sangat-sangat menerima baik dan menghormati tetamu, ramah dan mudah mesra.

1.3 Objektif Kajian

Pada hari ini, ahli-ahli perniagaan dan pemimpin-pemimpin kerajaan seluruh dunia semakin mengiktiraf bahawa fenomena pelancongan telah menjadi suatu kekuatan kepada ekonomi dan sosial sesebuah negara. Ini adalah berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan beberapa dekad yang lalu yang menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan dapat menghasilkan pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan dan percukaian (Gunn, dalam Ritchie, J.R. Brent & Goeldner, Charles .R.1994).

Hasil dapatan dari kajian (khususnya dapatan-dapatan positif) apabila diterbitkan akan dapat merangsang sektor awam dan sektor swasta untuk melaksana dan memperkemaskan aktiviti untuk membangun dan mempromosikan industri pelancongan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor kesenian dan warisan budaya masyarakat Kelantan sebagai 'alat' untuk pemasaran industri pelancongan.

1.3.1 Objektif Khusus

- a) Untuk mengkaji kepelbagaian warisan seni budaya masyarakat Kelantan yang menjadi sumber tarikan pelancong.
- b) Untuk menilai sejauhmana pelancong-pelancong yang datang ke Kelantan adalah kerana tarikan keunikan warisan seni budaya masyarakatnya.
- c) Untuk menilai sejauhmana pelancong-pelancong yang datang ke Kelantan adalah kerana tarikan faktor sosio-budaya masyarakatnya.
- d) Untuk menilai sejauhmana faktor permainan tradisi masyarakat Kelantan menjadi sumber tarikan pelancong.
- e) Untuk menilai sejauhmanakah faktor keunikan hasil kerjatangan masyarakat menjadi sumber tarikan pelancongan

1.4 Pembentukan Hipotesis

Analisis data akan ditujukan untuk menguji beberapa hipotesis yang dibentuk bagi kajian ini, seperti berikut:

- a. Pelancong datang ke Kelantan adalah kerana tarikan budayanya.
- b. Tidak ada perbezaan tarikan yang ketara di antara pelancong lelaki dan perempuan.
- c. Tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara pelancong golongan muda dan pelancong golongan tua terhadap dorongan melancong ke Kelantan
- d. Tidak terdapat perbezaan tarikan yang ketara di antara pelancong yang telah berkahwin dan yang belum berkahwin.
- e. Tidak terdapat perbezaan yang significant di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan hasil kerjatangan masyarakat Kelantan.
- f. Pelancong-pelancong datang ke Kelantan kerana tarikan keunikan sosio-budaya masyarakatnya
- e. Tidak terdapat perbezaan yang significant di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan permainan tradisi masyarakat Kelantan.

1.5 Kerangka Teoritikal

1.5.1 Tujuan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji angkuabah terpilih yang memberi kesan terhadap tarikan pelancongan ke negeri Kelantan. Kajian ini adalah berasaskan kepada rujukan daripada buku-buku, kertas seminar yang berkaitan dengan pelancongan budaya, perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat

secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pelancongan negeri Kelantan dan soal-selidik yang diedarkan kepada pelancong-pelancong tempatan dan pelancong-pelancong antarabangsa.

1.5.2 Aspek-aspek Penting

Negeri Kelantan mempunyai berbagai sumber tarikan pelancongan seperti kawasan pantainya yang menarik, permandangan suasana kampung yang indah, tempat-tempat rekreasi yang menarik dan sebagainya. Walau bagaimanapun pembolehubah penting yang telah dikenalpasti sebagai pendorong utama tarikan pelancong ke Kelantan iaitu warisan seni budaya masyarakatnya yang menarik dan unik.

Warisan seni budaya masyarakat yang menjadi subjek kajian dipecahkan kepada empat faktor / bahagian utama iaitu ; kehidupan sosio-budaya (merangkumi, kegigihan kaum wanitanya, sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan, penghayatan nilai-nilai Islam dan budaya ketimuran, perpaduan dan hubungan erat antara kaum, sifat ramah mesra masyarakatnya, dan pelbagai jenis makanan dan kuih-muih tradisional), keunikan seni pertukangan tangan (merangkumi batik dan songket, ukiran kayu dan perusahaan peraknya), keunikan seni persembahan tradisi (merangkumi Mak Yong, Wayang Kulit, Dikir barat dan seni Silat), dan permainan tradisi rakyat (merangkumi permainan wau dan gasing). Keempat-empat subjek kajian akan dikaji sekadar kaitannya sebagai sumber tarikan pelancongan.

Kajian ini akan dapat menentukan di antara faktor-faktor di atas, faktor manakah yang lebih ketara dari segi tarikan pelancongan ataupun mungkin faktor-faktor tersebut adalah sama sahaja kekuatannya dari segi tarikan pelancongan ke Kelantan.

Kajian akan juga dijalankan untuk menentukan samada ciri-ciri pelancong sendiri memberi pengaruh atau perbezaan minat dan dorongan untuk melawat negeri Kelantan. Ciri-ciri yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

a) Umur Pelancong

Kajian akan dibuat untuk menentukan faktor umur memberi perbezaan terhadap minat melawat Kelantan. Ada kemungkinan terdapat perbezaan minat dikalangan pelancong golongan muda dan pelancong golongan tua dalam memilih Kelantan sebagai destinasi pelancongan mereka.

b) Taraf Perkahwinan

Kajian juga akan cuba mengenalpasti samada terdapat perbezaan yang ketara di antara pelancong-pelancong yang telah berkahwin dengan pelancong-pelancong yang belum berkahwin terhadap dorongan untuk melawat Kelantan. Ada kemungkinan minat untuk melawat Kelantan berbeza di antara kedua-dua golongan tersebut.

c) Jantina Pelancong


Kajian akan dibuat untuk melihat samada terdapat perbezaan ketara di antara jantina pelancong dengan dorongan untuk melawat negeri Kelantan sebagai destinasi pelancongan mereka.

d) Residen Pelancong

Pelancong dalam negeri mungkin mempunyai minat yang berlainan daripada pelancong antarabangsa terhadap dorongan mereka melancong ke Kelantan. Walau bagaimanapun ada juga kemungkinan minat dan dorongan mereka adalah sama sahaja.

Setelah mengenalpasti kepentingan pembolehubah-pembolehubah yang mungkin memberi sumbangan penting kepada tarikan pelancongan ke Kelantan, satu kerangka teoritikal dapat dibentuk seperti ditunjukkan di halaman 10.

KERANGKA TEORITIKAL



1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik memilih subjek kajian ini kerana keyakinan bahawa ianya dapat digunakan untuk manfaat banyak pihak yang berkait secara langsung ataupun tidak langsung dan mempunyai kepentingan dalam industri ini.

- a) Melalui kajian ini, pihak pengurusan pelancongan negeri khususnya Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dapat mengetahui dan atau menilai tahap kepentingan angkubah kajian terhadap perkembangan industri pelancongan negeri Kelantan.
- b) Kajian ini akan dapat memberikan gambaran dan fakta yang jelas tentang sumber warisan seni dan budaya yang menjadi tarikan sebenar pelancong, mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang boleh dipertingkatkan lagi dan seterusnya merancang program dan strategi yang sesuai.
- c) Hasil kajian ini boleh digunakan oleh masyarakat umum keseluruhannya supaya mereka boleh bersama-sama memainkan peranan dalam membantu mempertingkatkan perkembangan industri pelancongan di negeri Kelantan.

1.7 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, adalah dijangkakan akan wujud beberapa halangan dan batasan yang akan memberikan kesan kepada hasil dapatan yang akan dicapai. Walau bagaimanapun halangan dan batasan yang akan wujud nanti akan cuba diatasi oleh penyelidik ke tahap yang paling minimum. Di antara halangan dan batasan yang dijangka akan dihadapi ialah:

- a) Tempoh Masa.

Tempoh masa yang lebih kurang 12 minggu yang diperuntukkan untuk menjalankan kajian ini adalah tidak mencukupi untuk membolehkan kajian secara yang lebih mendalam dan komprehensif bagi pengumpulan data-data yang mutakhir dan mendapatkan maklumbalas dari responden-responden yang disoal selidik.

b) Kerjasama dari Responden

Sebahagian besar pelancong yang datang adalah secara rombongan yang biasanya mempunyai jadual aktiviti yang padat. Kesuntukan masa dan keadaan fizikal mereka yang letih memungkinkan mereka mengelak untuk menjawab soalselidik. Disamping itu masalah akan timbul bagi pelawat-pelawat asing yang tidak faham bahasa Inggeris seperti pelancong dari Jepun, Taiwan dan beberapa negara Scandinavia kerana mereka tidak dapat memberikan kerjasama dalam kajian ini.

1.8 Definisi-definisi Konsep

1.8.1 Warisan Seni dan Budaya

Warisan seni dan budaya ditakrifkan sebagai hasil karya, ciptaan pengolahan, kekuasaan jiwa, imajinasi kerohanian, fikiran, kemahuan, pergerakan terhadap alam oleh manusia dengan jiwa dan kerohanian untuk mencapai kedamaian dan ketenteraman dalam hidup atau dengan lain perkataan, budaya meliputi seluruh sistem dan aktiviti kehidupan masyarakat yang termeteri turun temurun, mempunyai nilai dan sangkaan tertentu dalam hubungan dan kelakuan masyarakat. (Suhaimi, dalam Zainal Abidin Bakar, 1990).

Budaya adalah suatu keseluruhan yang kompleks, yang terjadi dari unsur-unsur yang berbeza seperti pengetahuan, kepercayaan, seni, hukum, moral, adat-istiadat,

dan segala kecekapan yang lain, yang diperolehi manusia sebagai anggota masyarakat. (S. Takdir Alisjahbana, 1986).

Alex Inkeles mendefinisikan budaya sebagai ‘ *The grand total of all the objects, ideas, knowledge, ways of doing things, habits, values and attitudes which each generation in a society passes on to the next*’, Alex meneruskan bahawa ‘ *the transmission of culture is man’s substitute for the instincts whereby most other living creatures are equipped with the means for coping with thier environment and relating to one another. Yet it is more flexible than instinct, and can grow: that is, it can store new information infinitely more rapidly than the process of mutation and biological evolution can enrich the instinctual storehouse of any otherspecies*’ (Andronicou, dalam de Kadt, 1979)

Warisan seni dan budaya sebagai hasil seni, sastera, muzik dan ekspresi intelek sesuatu masyarakat. Budaya adalah gaya atau cara hidup sesuatu masyarakat yang menentukan kesejahteraan dalam kehidupan bersama (Temasak, dalam Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988). Budaya sesuatu masyarakat berbeza lebih atau kurang daripada budaya masyarakat lain, ianya bergantung kepada keperluan setiap masyarakat dan halangan/batasan geografi dan sumber. Ianya merupakan tradisi-tradisi generasi terdahulu yang dipusakai oleh generasi seterusnya secara turun-temurun (S. Takdir Alisjahbana, 1986).

Bagi tujuan kajian ini budaya yang dimaksudkan adalah warisan kesenian tradisi rakyat dalam bentuk persembahan seni tradisi , permainan rakyat dan seni halus, seni bina amalan hidup berkeluarga, amalan keagamaan dan segala bentuk ekspresi kreatif masyarakat yang telah dinyatakan di atas.

1.8.2 Pelancongan Seni Budaya

Pelancongan kesenian dan warisan budaya boleh dianggap sebagai subset kepada pelancongan budaya, yang mana termasuk di dalamnya *'movements of persons for essentially cultural motivations such as study tours, performing arts and cultural tours, travel to festivals and other culture events, visits to sites and monuments, travel to study nature, folklore or art, and pilgrimages'*

(World Tourism Organization, 1985, dalam Zeppel & Hall, dalam Weiler & Hall, 1992).

Warisan adalah berdasarkan nostalgia lalu dan keinginan untuk mengalami kembali warisan budaya yang berbagai latarbelakang dan bentuk yang merangkumi peninggalan nyata dalam bentuk bangunan bersejarah, tempat-tempat arkeologi, monumen, dan artifek-artifek seni dan budaya yang dipamerkan di muzium sebagai sumber warisan untuk tarikan pelancongan.

"Resources" bagi sesuatu industri pelancongan boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama :

- (a) Keindahan permandangan semulajadi.
- (b) Tempat-tempat suci sesuatu agama, tempat-tempat peninggalan sejarah dan tapak kerajaan purba.
- (c) Kesenian, kebudayaan, tradisi dan lain-lain aktiviti masyarakat.

Kesemua *"resource"* di atas kecuali kategori yang pertama, adalah termasuk dalam ketagori warisan seni dan budaya. Kategori yang kedua merupakan produk budaya yang boleh disentuh manakala kategori yang ketiga adalah berbentuk konsep-konsep, kepercayaan dan tingkahlaku individu dalam masyarakat yang pada masa kini telah dibangunkan dalam bentuk material dan memungkinkan *'direct contact'* antara pelancong-pelancong dengan *"resource"* tersebut.

1.8.3 Festival Seni Budaya Kelantan

Festival budaya merujuk kepada '*a celebration or display of a theme that occurs annually, or less frequently, to which the public is invited for a predetermined time*' (EPG, 1993 dalam Getz, 1991 dalam Reid, 1995 dalam Harrison & Husbands, 1996) '*a period devoted to merit making and rejoicings in any locality*' (Tamasak, dalam Asean Seminar on Culture and tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

Festival secara umumnya dibuat kerana berbagai sebab, '*including enhancing or preserving local culture and history, providing local recreation and leisure opportunities, and enhancing the local tourism industry*' (Long & Perdue, 1990, dalam Zeppel, dalam Weiler & Hall, 1992) seperti dalam konteks negeri Kelantan: Perayaan Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan, Pesta Wau Antarabangsa Malaysia, Pesta Rebana Antarabangsa, Pesta Seni Silat Tari Kelantan, Pesta Kertok, Pesta Gasing Uri dan Gasing Pangkah, Pesta Permainan Rakyat dan Pesta Tarian serta Muzik Tradisional masyarakat Kelantan.

1.8.4 Pelancong

Beberapa definisi awal tentang pelancong adalah seperti yang dinyatakan di dalam petikan-petikan berikut:

- a) Pada awal abad ke 17, perkataan pelancongan ini bermakna '*travelling from place to place, a journey, an excursion, a circuitous journey touching the principal parts of a country or region*' (Bhatia, 1983 dalam Wan Abd Rahman Wan Hassan, 1990).
- b) Pada awal tahun 1800an, definisi pelancong yang diberikan ialah '*is a person who makes a journey for the sake of curiosity, for the fun of travelling, or just to tell others that he has travelled*'.

(Davidson, dalam Theobald, 1994) mendefinisikan pelancong sebagai *'a person travelling outside of his/her normal routine - either normal living or normal working routine - who spends money.*

- c) Badan-badan antarabangsa seperti Committee of Statistical Experts of the League of Nation, World Tourism Organisation (WTO) dan Pacific Area Travel Association (PATA) telah menggunakan definisi yang agak khusus untuk pelancong luar negeri iaitu sebagai *'any person visiting a country other than that in which he usually resides, for a period of at least 24 hours'*, (Tucker, 1984) dan mereka yang dikelaskan sebagai pelancong adalah merangkumi bagi seseorang yang melawat kerana tujuan-tujuan berikut:
- Keseronokan (*pleasure*), sebab-sebab domestik, kesihatan dan lain-lain
 - Melaksanakan tugas-tugas rasmi, penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti sosial, sukan, keagamaan dan untuk tujuan perniagaan.

Bagi tujuan kajian ini pelancong ditujukan kepada 'seseorang yang membuat lawatan ke sesebuah negara / negeri dan akan berada di negara / negeri yang dilawatnya sekurang-kurangnya 24 jam atau sekurang-kurangnya akan bermalam selama satu malam.

1.8.5 Tarikan Pelancongan

(MacCannell, 1976 dalam Lew, dalam Ritchie & Goeldner, 1994) mencadangkan tiga komponen yang patut dipertimbangkan sebagai daya tarikan pelancongan : pelancong itu sendiri, tempat-tempat yang boleh dilihat, dan imej yang dimiliki dan membuatkan sesuatu tempat itu signifikan.

Dalam keadaan yang demikian, "daya tarikan" dalam konteks yang luas akan merangkumi bukan sahaja tempat-tempat bersejarah, taman-taman hiburan, dan pemandangan-pemandangan yang menakjubkan, warisan budaya masyarakat turun-temurun yang dikekalkan oleh masyarakat, tetapi juga haruslah

merangkumi aspek-aspek perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan seperti sistem pengangkutan yang baik, 'accommodations' dan restoran yang dapat memenuhi keperluan harian pelancong.

Pada hakikatnya, tidak akan wujud pelancongan tanpa adanya daya/sumber tarikan kepada pelancongan dan tanpa pelancongan tidak akan adanya sumber tarikan. Kebanyakan penyelidik walaubagaimanapun bersetuju bahawa sumber tarikan merupakan elemen asas untuk kemajuan pelancongan (Gunn, 1979 dalam Lew, dalam Ritchie & Goeldner, 1994).

1.8.6 Industri Pelancongan

Dari segi sejarah, pada peringkat awal aktiviti pelancongan secara umumnya tidak dipandang serius oleh ahli-ahli ekonomi, ahli perniagaan dan usahawan, mahupun pihak kerajaan. Aktiviti pelancongan dilihat sebagai aktiviti '*fun and games*', rekreasi, dan tidak produktif (Davidson, dalam Theobald, 1994). Berdasarkan kepada persepsi di atas, pelancong dilihat sebagai musuh kepada persekitaran, menambahkan kesibukan, dan 'tidak diundang' tanpa mengira dari mana mereka datang.

Walaubagaimanapun, kebanyakan kerajaan mula mengiktiraf pelancongan sebagai satu industri sekitar tahun 1970an (Chadwick, 1994, dalam Ritchie & Goeldner, 1994). Sebagai satu industri, industri pelancongan didefinisikan sebagai *grouping of firm that are perceived to be primarily in the business of selling to or serving tourist* (Davidson, dalam Theobald, 1994). Hotel, restoran, pengangkutan dan hiburan (*amusements*) adalah contoh firma yang terdapat dalam industri pelancongan.

Laporan yang dibuat oleh *Tourism Sector Consultative Task Force* (Powell, 1978 dalam Swarbrooke, 1995) mengatakan bahawa ;

“Tourism is both an industry and a response to a social need ; society’s adoption of travel as part of a lifestyle. The industry does not have a discrete image like other industry sector, partly because of its heterogeneity and because many of its components are largely composed of small business, but it is pervasive across Canada. Its product includes all the elements that combine to form tourism consumer’s experience and exists to service his need and expectation.

Definisi industri pelancongan yang digunakan dalam National Tourism Policy Study (U.S. Senate Committee on Commerce 1976) adalah seperti berikut;
The interrelated amalgamation of businesses and agencies which totally or in part provide the means of transport, goods, services, accommodations, and other facilities, programs, and resources for travel out of the home community for any purpose not related to local day-to-day activity. (Leiper,1979 dalam Ritchie & Goeldner,1994). memberikan definisi industri pelancongan sebagai ; *The tourism industry consists of all those firm, organizations, and facilities which are intended to serve the specific needs and wants of tourists.*

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Aktiviti melancong bukanlah merupakan satu aktiviti baru. Perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri manusia telah mendorong manusia untuk *move away* dari tempat tinggal asalnya semata-mata untuk melihat apa yang wujud dan berlaku di tempat-tempat lain (Van Harssel,1994).

Kajian yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Pelancongan Malaysia terhadap amalan dan tanggapan percutian domestik mendapati bahawa pelancong lebih memilih tempat yang 'menarik' untuk dilawati, pengalaman yang bernilai yang boleh diperolehi dan sesuai untuk keluarga sebagai kreteria utama dalam pemilihan destinasi pelancongan (Aliza,1997).

Dalam konteks global, ekspidisi budaya menduduki tangga kedua dari segi aktiviti yang paling diminati oleh pelancong sepertimana yang ditunjukkan oleh Specialty Travel Index dalam iklannya pada tahun 1988. (Jadual 2.1)

Jadual 2.1 Senarai kedudukan aktiviti dalam Specialty Travel Index

Kedudukan	Aktiviti
1	Yatch/Charter Sailing
2	Cultural Expeditions
3	Scuba Snorkelling
4	Trekking
5	Nature Trip
6	River Rafting
7	Hiking
8	Bicycle Touring
9	Photography
10	Fishing

Sumber: Weiler & Hall, 1992

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Asean Tourism Information Centre (ATIC), semenjak 1994, kadar pertumbuhan bilangan kemasukan pelancong menunjukkan kawasan Asean mengalami kadar pertumbuhan yang paling cepat berbanding dengan kawasan-kawasan lain di dunia (Burn & Holden, 1995).

Kepelbagaian sumber tarikan yang dimiliki merupakan satu faktor kekuatan terhadap masa depan pertumbuhan industri pelancongan di Malaysia. Dalam konteks negeri Kelantan, sektor pelancongan telah dibangunkan secara berterusan lebih daripada 10 tahun yang lalu. Pada permulaannya, sejak tahun 1984, terdapat hanya 201,135 orang pelancong tempatan dan 22,182 orang pelancong asing melawat negeri Kelantan. Pada tahun 1998, bilangan kemasukan pelancong tempatan mencapai angka 2,203,840 orang dan bilangan pelancong asing mencapai angka 426,598 orang dan jumlah bilangan kemasukan ini dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang (Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan).

Purata kadar pertumbuhan bilangan kemasukan pelancong ini dalam tempoh 14 tahun adalah sebanyak 77% setahun. Jika dilihat daripada angka-angka tersebut, bermakna usaha-usaha mempromosikan Kelantan sebagai destinasi pelancongan menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan.

Pelancongan pada hari ini telah menjadi satu fenomena yang besar dari segi pergerakan manusia dan dari segi perbelanjaan kewangan (Yamashita, Kadir & Eades, 1997). Daripada kajian yang telah dibuat, budaya merupakan asas kepada pelancongan (Ida Bagus: Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

Dengan perkembangan aktiviti pelancongan dan kesan positif kepada pembangunan ekonomi, maka kebanyakan kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan mula mengeksploit 'sumber-sumber' tarikan pelancongan untuk tujuan memperolehi sumber pendapatan dalam usaha pembangunan negara (Van Putten, 1986 dalam Zeppal & Hall, dalam Weiler & Hall, 1992). Dan apa yang menariknya ialah destinasi yang menjadi tumpuan utama pelancong dalam dunia hari ini merupakan tempat-tempat yang kaya dengan warisan seni dan budaya (Mill, 1990 dalam Medlik, 1991).

Satu hakikat yang nyata bahawa kebanyakan negara menawarkan 'sumber' tarikan asas pelancongan yang hampir sama tetapi, dalam 'amounts' dan 'intensities' yang berbeza-beza iaitu : keindahan alam semulajadi, tempat-tempat dan monumen bersejarah, kemudahan-kemudahan rekreasi, perkhidmatan, barangan pengguna, artifek, dan sebagainya (Doreen: dalam Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

Walaupun pada asasnya sumber yang ditawarkan hampir sama tetapi, ianya tetap berbeza samada lebih atau kurang bergantung kepada batasan geografi, sumber-sumber ekonomi yang dimiliki dan keperluan masyarakat (Craig-Smith & French, 1994). Setiap ciri yang mewujudkan perbezaan itu diadunkan dengan ciri-ciri serta semangat kebangsaan

membuatkan setiap negeri mampu memberikan pengalaman yang tersendiri untuk dinikmati oleh pelawat (Cooper & Lockwood, 1992).

Motivasi budaya yang mendorong seseorang melancong telah menjadi faktor yang signifikan dalam fenomena pelancongan sejak abad 16 dan 17 (Thorburn, 1986 dalam Zeppel & Hall dalam Weiler & Hall, 1992). Sehingga akhir abad ke 20 ini, bilangan pelancong yang tertarik dengan warisan seni dan budaya semakin bertambah dengan pesat dan keadaan ini akan dijangka berterusan pada abad yang akan datang (Zeppel & Hall, dalam Weiler & Hall, 1992, Yamashita, Kadir H. Din & Eades, J.S. 1997).

Asas utama dalam usaha-usaha untuk membangunkan sektor pelancongan di Kelantan adalah bersandarkan kepada konsep pelancongan warisan seni budaya. Maka, pastinya faktor utama yang akan menyokong usaha-usaha tersebut adalah kekayaan dan keunikan seni budaya itu sendiri (Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan). Ini adalah disebabkan kerana budaya merupakan sumber yang paling bernilai dan berpotensi dalam usaha membangunkan sesebuah masyarakat (Inglis, 1993) kerana budaya telah berakar umbi dalam masyarakat sejak turun-temurun.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat kajian yang dilakukan untuk menunjukkan perkaitan khusus dan secara langsung antara warisan seni budaya dengan perkembangan industri pelancongan Kelantan. Berpandukan apa yang berlaku di dunia luar, kajian perkaitan antara warisan seni budaya sebagai sumber tarikan pelancongan dengan perkembangan industri pelancongan Kelantan dapat dilakukan.

2.2 Aspek Budaya Masyarakat Kelantan

Budaya masyarakat Kelantan dapat dilihat dengan jelas dalam aspek-aspek tertentu seperti : kehidupan suasana kampung, Islam, keunikan hasil seni yang kompleks. Kesemua aspek ini akan dinyatakan secara ringkas kerana ianya amat berkaitan dengan tarikan

pelancongan negeri Kelantan.

2.2.1 Kehidupan Suasana Kampung

Kampung adalah tempat tinggal yang mana kegiatan utama masyarakatnya adalah berteraskan kepada pertanian. Perkataan kampung boleh memberikan gambaran tentang bentuk bagaimana masyarakat Melayu mendirikan rumah yang dikelilingi dan ditanam dengan pelbagai pokok-pokok buah-buahan dengan berbagai jenis haiwan ternakan seperti lembu, kambing, ayam, burung dan sebagainya.

Bentuk kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat kampung ini dapat juga dilihat diamalkan oleh masyarakat yang tinggal di bandar-bandar berhampiran. Masyarakat Kelantan mengamalkan dan mengekalkan amalan hubungan rapat dengan masyarakat sekampung, mereka saling mengenali antara satu sama lain dengan begitu rapat, mereka tahu asal keturunan dan nenek moyang masing-masing, dan mereka berbangga untuk memperkenalkan diri masing-masing berasaskan nama kampung tempat asal mereka. Masyarakat Melayu Kelantan menganggap bahawa suasana kampung adalah suasana yang paling sesuai untuk mereka tinggal.

Bentuk kehidupan dalam suasana kampung menggalakkan masyarakat mengamalkan amalan-amalan tradisi mereka. Pakaian Malayu seperti batik sarung untuk perempuan (kadang-kadang menjadi pakaian harian kaum lelaki) dan semutar di kepala merupakan pakaian harian kaum lelaki. Tradisi menyambut baik tetamu menjadi sumber kebanggaan, dan tradisi amalan pergaulan dan budi bahasa jelas terbukti dan dapat dilihat.

Sistem dan amalan budi bahasa (etiquette) memerlukan beberapa gaya amalan dari segi pemilihan ungkapan dan perkataan untuk menggambarkan penghormatan terhadap seseorang untuk mengelakkan daripada dianggap sebagai 'kurang ajar'. Amalan budi bahasa merupakan suatu tingkah laku yang amat

dituntut dalam pembentukan hubungan antara personal yang harmoni.

Personaliti yang baik adalah gambaran kepada peribadi yang lemah lembut (soft and gentle) serta halus, dan dianggap sebagai peribadi yang terpuji dan mulia. Sifat peribadi ini dapat dilihat pada corak pada kain yang halus. Sesuatu yang dibuat dengan baik dianggap sebagai halus, lawannya adalah kasar, iaitu hasil kerja yang tidak teliti, tidak cermat dan tanpa berfikir. Hampir keseluruhan masyarakat Kelantan berusaha untuk menunjukkan tingkah laku dan sifat-sifat halus demi menjaga nama baik mereka dan datuk nenek mereka.

2.2.2 Islam

Reputasi Kelantan terutamanya dari segi ketaatan agama masyarakat Islamnya yang konservatif adalah merupakan sumber kebanggaan penduduknya. Negeri ini terkenal dengan sistem pengajian pondoknya, dan cerdik-pandai agama atau ulama.

Reputasi Kelantan yang dilihat amat berpegang teguh kepada agama Islam diperkuatkan lagi dengan pendirian politik yang dianggap sebagai negeri yang di perintah oleh PAS yang berjuang untuk pembentukan sebuah negeri Islam yang benar-benar mengamalkan syariat Islam.

2.2.3 Kesenian, Kraftangan dan Hiburan Masyarakat Kelantan.

Kelantan sejak lama telah terkenal dengan kain dan sutera. Sarung sutera dan kain songket terkenal sebagai pakiaan mewah. Kebanyakan perusahaan membuat dan menenun sutera dan songket ini terdapat di sekitar kawasan Kota Bahru, Kg. Penambang merupakan pusat pengeluaran kain songket dan batik. Terdapat dua jenis batik iaitu batik cap dan batik tulis (kedua-duanya dibuat menggunakan kemahiran tangan). Kedua-duanya terkenal dengan seni buatan dan coraknya yang

halus.

Kelantan juga adalah pusat penghasilan kraftangan dan ukiran tradisional Melayu. Barangan perak telah diusahakan semenjak awal abad ke duapuluh lagi di rumah-rumah. Perusahaan ini masih lagi berdaya maju kerana barangan yang dihasilkan diminati ramai.

Berlawan binatang / belaga binatang sangat popular di Kelantan. Swettenham (1967: 154-155) pernah menceritakan Kota Bharu sebagai “ given up to various forms of relaxation in a way unknown in any other state in Malay Peninsula.”(Wright,1980) Walau bagaimanapun ianya diharamkan semenjak zaman awal pemerintahan British dan ekoran kritikan hebat cerdik pandai Islam terhadap tradisi ini.

Berlawan binatang yang terdiri daripada kerbau, lembu, kambing, ayam dan ikan, biasanya dijalankan dihari-hari kebesaran diraja, tetapi sudah tidak diamalkan lagi pada masa kini. Walau bagaimanapun, belaga ayam dan ikan masih diamalkan (walaupun tidak sepopular belaga lembu) secara tersembunyi daripada pengetahuan pihak berkuasa.

Pada musim kemarau, permainan dan perlawanan seperti main gasing, main wau dan nyanyian suara burung merupakan aktiviti biasa masyarakat kampung. Pertandingan-pertandingan yang dianjurkan berkaitan dengan permainan ini mendapat sambutan hebat daripada peserta dan penonton.

Penyertaan dalam pertandingan biasanya dibahagikan berdasarkan kepada kumpulan yang biasanya mewakili kampung mereka. Wau terdiri daripada berbagai bentuk, dan yang paling popular adalah seperti wau bulan, wau kucing, wau ikan, dan wau barat (wau siam). Nyanyian suara burung (burung ketitir) adalah pertandingan untuk memilih suara burung yang paling merdu. Burung

yang berada dalam sangkar yang berhias cantik dinaikkan ke atas tiang buluh manakala peserta dan hakim berada di bawah untuk mendengar nyanyian suara burung.

Seni persembahan tradisi masyarakat Melayu Kelantan seperti Dikir Barat, Mak Yong, Manora, Silat, Main Peteri dan Wayang Kulit adalah unik warisan turun-temurun dari satu generasi kepada satu generasi untuk tujuan utama hiburan dan lain-lain tujuan.

Dikir Barat merupakan nyanyian secara lisan yang dipercayai berasal daripada daerah Pattani, Thailand. Ianya dibawa ke Kelantan pada awal kurun ke duapuluh. Dikir Barat dipersembahkan biasanya dalam bentuk dua pasukan dan dinyanyikan secara bergilir-gilir. Setiap pasukan diketuai oleh seorang tukang karut yang mencipta lagu semasa menyanyi. Kebanyakan irama Dikir Barat dipersembahkan dalam bentuk jenaka, propanganda dan sindiran.

Mak Yong berasal daripada persembahan istana dan dipercayai dibawa ke Kelantan daripada Pattani, Thailand. Semua watak dilakonkan oleh wanita kecuali beberapa orang badut, tiga peranan utama pelakon adalah Pak Yong Muda (putera), Pak Yong Tua (Raja) dan Mak Yong (Permaisuri). Persembahan Mak Yong diiringi dengan nyanyian dan tarian yang lemah-gemalai. Plot cerita adalah berdasarkan kepada kisah-kisah percintaan masyarakat Melayu dengan banyak menggunakan bahasa-bahasa kiasan.

Menora merupakan sebuah taridra yang dimainkan oleh rakyat Kelantan yang berketurunan Selatan Thai dengan menggunakan bahasa Siam. Kesemua pasukan Menora adalah terdiri daripada lelaki, hatta peranan wanita juga dimainkan oleh budak lelaki. Ceritanya berkisar mengenai puteri dalam hikayat kelahiran Buddha yang menampilkan kisah cinta, penggambaran dan kuasa sihir. Pelakon-pelakon dalam persembahan Menora menunjukkan seni kepahlawanan. Walau bagaimanapun, persembahan Menora dalam konteks negeri Kelantan telah

banyak diadaptasikan dengan selera masyarakat Melayu.

Seni Silat Melayu Kelantan berasal daripada Kesultanan Melayu Melaka dan Sumatera dan dipersembahkan sebagai tarian yang diiringi dengan paluan gendang. Pengajian tentang ilmu persilatan ini biasanya dikaitkan dengan pangajian Islam di pondok-pondok. Silat kini sering dipersembahkan semasa majlis perkahwinan sebagai hiburan untuk kaum lelaki.

2.3 Sosio-budaya Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Dalam konsep pelancongan budaya, budaya sebagai modal utama berfungsi secara normatif dan operational (Ida Bagus: Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988) Dengan fungsi normatif, peranan budaya diharapkan mampu dan berupaya memberikan identiti, garis panduan dan kawalan untuk membolehkan pembentukan dan pengukuhan budaya seimbang daripada serangan budaya negatif dari luar.

Dengan fungsi operasional, peranan budaya pula diharapkan mampu dan berupaya meninggikan daya kreativiti untuk memotivasikan masyarakat menggunakan sepenuhnya sumber-sumber yang dimiliki untuk dieksplot untuk faedah bersama dalam masyarakat. Melalui fungsi operational ini jugalah budaya diharapkan boleh menjadi mekanisme utama untuk menarik dan meningkatkan kemasukan pelancong.

Motivasi budaya bukan lagi dianggap sekadar pelengkap atau tambahan kepada sumber tarikan pelancongan, tetapi telah menjadi pemangkin utama untuk pengalaman pelancongan bermakna secara keseluruhan (Hall,1992) kerana apa yang pelancong inginkan adalah peluang untuk penglibatan yang mendalam dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kemasyarakatan di tempat yang dilawati (Medlik, dalam Burkart & Medlik,1991). Tourist travel to and from all parts of the globe seeking a variety of

experiences (Van Harssel,1994).

Faktor warisan seni dan budaya dianggap sebagai ‘alat pemasaran’ yang penting untuk menarik pelancong, khususnya pelancong-pelancong yang mempunyai minat yang mendalam dalam warisan dan amalan budaya sesebuah masyarakat (Mac Cannell, 1976 dalam Theobald,1994). Faktor budaya dianggap sebagai komponen asas untuk memotivasikan pelancong dalam usaha mereka memilih destinasi pelancongan untuk dilawati.

Kegiatan melancong yang dimotivasikan oleh faktor budaya bukan lagi terbatas dan menjadi trend kepada pelancong golongan elit, tetapi telah menjadi suatu kebiasaan untuk kebanyakan pelawat. Memetik kenyataan dari World Tourism Organisation (1985) ‘Both culture and tourism have become democratized and are no longer confine to elites’. (Hall, 1992)

Tahun-tahun kebelakangan ini, kita diberitahu bagaimana bertambah pentingnya unsur warisan seni budaya untuk pertumbuhan dan perkembangan sesuatu destinasi pelancongan. Alasan utama berlakunya fenomena ini berkemungkinan disebabkan warisan seni budaya sesuatu tempat merupakan sesuatu yang totally unique. (Peterson dalam Van Harssel, 1994). Katanya lagi “tourism attraction such as amusement parks, water slides, zoo, or other modern-day activities for tourist can easily be duplicated in many areas; arts and heritage resource cannot”. Tarikan warisan seni budaya berupaya mewujudkan rasa perbezaan/kelainan, keunikan dan berupaya menarik pengunjung walaupun mereka berada di tempat tersebut untuk tujuan lain.

Ritchie & Zins (1978) dalam Burns & Holden (1995) menyenaraikan duabelas elemen budaya yang boleh dilihat sebagai sumber tarikan pelancongan:

- i. Kraftangan
- ii. Bahasa
- iii. Tradisi

- iv. Gastronomy
- v. Seni dan muzik, termasuklah konsert, lukisan dan ukiran
- vi. Sejarah sesuatu kawasan, termasuklah *visual reminders*
- vii. Jenis pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk dan teknologi yang digunakan
- viii. Seni bina
- ix. Amalan keagamaan
- x. Sistem pendidikan
- xi. Pakaian
- xii. Aktiviti-aktiviti masa lapang

Kajian yang dibuat oleh Zeppel (1994) ke atas sumber tarikan utama pelancongan di Sarawak mendapati bahawa budaya hidup di Rumah Panjang dikalangan masyarakat Iban merupakan tarikan utama seseorang pelancong untuk melawat Sarawak (Yamashita, Kadir & Eades, 1997). Pelancong-pelancong asing berada di Sarawak semata-mata untuk menikmati 'authenticity' semasa berada di Rumah Panjang. Dengan bermalam di Rumah Panjang, mereka berupaya mencapai dan menikmati pengalaman sebenar (genuine experience) terhadap tempat dan manusia yang dilawati. Sumber tarikan seperti menikmati pengalaman 'primitive atmosphere' , 'unspoilt nature', 'real adventure' and 'natural lifestyle'. Mereka mengalami sendiri pengalaman hidup di dalam dan di luar Rumah Panjang dan disamping menikmati aktiviti rutin masyarakat Iban.

Sesuatu yang unik dalam masyarakat Iban di Rumah Panjang adalah semangat bermasyarakat yang tinggi yang menyebabkan mereka dapat hidup bersama dan berkongsi segalanya. Ini adalah satu amalan hidup bermasyarakat yang sukar untuk dilihat dalam masyarakat lain (Zeppel,1994 dalam Yamashita, Kadir dan Eades,1994). Sifat-sifat peribadi yang dipusakai turun-temurun seperti ramah mesra, baik hati dan lemah-lembut menyebabkan tidak ada seorang pelawatpun yang merasai kedatangannya ke situ sebagai 'tetamu yang tidak diundang' (Chuan,1994). Kedatangan setiap pengunjung dan pelawat dialu-alukan walaupun ia tidak dilakukan secara formal tetapi melalui simbolik tingkahlaku dan peribadi mereka.

Kajian yang dilakukan ke atas sumber-sumber tarikan di Thailand yang dikaitkan dengan pelancongan adalah seperti artifek-artifek dan peninggalan zaman nyata zaman purba, festival-festival tradisional, kesenian hasil kerja tangan masyarakat dan sebagainya (Tamasak: Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

Kajian yang dilakukan oleh Nuan Sarnsorn(1994) ke atas faktor motivasi tarikan dalam perkembangan industri pelancongan Thailand mengenalpasti bahawa sosio-budaya merupakan antara sumber terpenting tarikan pelancongan ke Thailand (Yamashita, Kadir & Eades,1997).

Bentuk sosio-budaya yang diwarisi dan terus dikekalkan dapat mencerminkan identiti bangsa Thai yang membuat ianya berbeza dengan masyarakat/bangsa lain walaupun negara yang berjiran dengannya. Bentuk sosio-budaya masyarakat seperti mengamalkan cara hidup yang 'simple' sebagai contoh membina rumah di sepanjang tebing sungai (Tamasak,1988) adalah menunjukkan kelainan, mereka membentuk keluarga di situ dengan tahap perpaduan dan kerjasama yang tinggi, mudah mesra dengan tetamu yang baru dikenali, menyebabkan pelancong secara tersirat merasai bahawa kedatangannya ke situ dialu-alukan, cara bertutur yang sangat lemah-lembut sebenarnya dapat menarik minat pengunjung untuk berada lebih lama lagi di Thailand.

Dalam sejarah perkembangan pelancongan di Bali yang bermula sejak tahun 1927 (Ida Bagus: Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988) adalah jelas terbukti bahawa budaya merupakan asas dan 'badly needed' dalam pembangunan industri pelancongannya. Hasil kajian ke atas apa yang paling menarik minat pelancong semasa berada di Bali mendapati bahawa 61.78% responden mengatakan tarikan elemen budaya sebagai paling penting berbanding 32.8% responden kerana tarikan alam semulajadi serta fauna dan flora dan 5.3% responden tertarik dengan 'objek-objek' lain (Ida Bagus, dalam Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

Elemen budaya yang dipersembahkan dalam bentuk pertunjukan-pertunjukkan kebudayaan, pameran-pameran seni, bengkel-bengkel kesenian dan festival-festival seni yang diadakan setiap tahun telah berjaya di 'komoditikan' dan diberikan 'a monetary value' dan berupaya mewujudkan permintaan dikalangan pelancong (Noronha, dalam de Kadt, 1979). Sesungguhnya apa yang ditawarkan oleh Bali, memberikan nilai dan makna yang sangat mendalam kepada pelancong.

Kajian lain yang dilakukan menunjukkan gabungan unsur-unsur budaya dan agama berjaya melahirkan satu bentuk kebudayaan yang unik dan tersendiri yang sukar ditemui di tempat-tempat lain adalah merupakan tarikan utama pelancongan ke Bali (Aziz Deraman, dalam Nik Mohamed 1986, Dibnah dalam Cooper & Lockwood, 1992, Ida Bagus: Asean Seminar on Culture and Tourism, Final Report, Ministry of Culture and Tourism Malaysia, 1988).

2.4 Hasil Seni Kerja Tangan Masyarakat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Hasil seni kerja tangan bermaksud keluaran atau barangan yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tangan yang tinggi (Nanda,1987). Kelantan sejak lama dahulu telah dikenali sebagai pusat penghasilan kraf dan ukiran tradisional Melayu (Wright, 1980). Disamping itu, ia juga turut terkenal dengan penghasilan 'pakaian mewah' yang diperbuat dari sutera dan tenunan songket sejak awal abad ke-20 lagi (Graham,1908,,Fisk,1959., Sheppard,1972 dalam Wright,1980). Daya imajinasi dan kreativiti tinggi yang dalam penghasilan barangan kerja tangan memberikan sumbangan besar kepada kemajuan sektor pelancongannya (Nash,1974). Item-item yang berorientasi palancong adalah seperti ashrays, pen-knives, pelbagai bentuk perhiasan yang diperbuat daripada perak, pelbagai jenis dan bentuk peralatan tradisional seperti tepak sireh, alat-alat kebesaran diraja dan sebagainya dihasilkan dengan kemahiran yang tinggi dan seni yang halus (Aliza, 1997).

Dalam kajian yang dibuat oleh Wright (1980) beliau mendapati bahawa negeri Kelantan sebenarnya merupakan pusat kraftangan dan ukiran yang mana kedudukannya boleh mewakili kraftangan dan ukiran bagi masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Mutu keluaran hasil kerjatangan masyarakat Kelantan mendapat pengiktirafan pelawat-pelawat tempatan dan juga pelawat asing. Pelancong-pelancong asing dengan bangganya memakai kain batik jawa buatan Kelantan kerana keunikan corak dan kehalusan seni pembuatannya apabila bersiar-siar di bandar Kota Bharu dan lain-lain tempat (Nash,1974).

Kajian yang dilakukan oleh Heinich (1988) mendapati, dalam aktiviti pelancongan yang berasaskan kesenian dan budaya, penggunaan pengguna meningkat kepada pembelian dan penggunaan barangan dan pengalaman-pengalaman budaya (theatre, muzik, festival-festival), melalui lawatan dan kunjungan ke galeri seni, muzium dan tempat-tempat warisan budaya (Heinich,1988 dalam Hall,1992), di mana sebahagian besar peristiwa-peristiwa warisan seni budaya (arts and heritage events) dipertontonkan. Sebagaimana yang diperkatakan oleh MacCannell (1976) dalam Hall (1992),
“All tourism desire this deeper involvement with society and cukture to some degree; it is a basic component of their motivation to travel”.

Kajian yang dibuat oleh Tisdell dan Wen (1991), ke atas sumber tarikan pelancongan di China mendapati bahawa kekayaan tempat-tempat bersejarah dan kumpulan budaya pelbagai bangsa yang berlainan dari segi adat, makanan, tradisi kesenian merupakan faktor yang paling signifikan sebagai tarikan pelancong (Lew dan Yu, 1995).

China menawarkan banyak tempat-tempat bersejarah yang terkenal seperti Great Wall of China, Summer Palace in Beijing, and Terra Cotta Warriors. Sebanyak 300 000 pelancong asing melawat bandar Xian pada tahun 1987 dan tinggal di situ pada purata 2.4 hari dan membelanjakan wang berjumlah US\$32 juta (Coutts,1986 ; Zeppel & Hall; Weiler & Hall, 1992)

2.5 Persembahan Seni Tradisi dan Permainan Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Muzik, tarian tradisi adalah lebih kurang sama dengan lain-lain kesenian tradisi kerana ianya boleh menggambarkan simbolik tingkahlaku masyarakatnya dan juga boleh dikatakan dapat mewakili identiti sesuatu bangsa, dan ianya memainkan peranan (secara tidak langsung) yang sangat penting terutamanya dalam mengekalkan perpaduan dalam masyarakat (Nanda, 1987)

Masyarakat Kelantan mempunyai pelbagai bentuk dan jenis seni persembahan tradisi dan permainan rakyat yang menarik dan unik hasil daripada gabungan muzik dan tarian. Masyarakat Kelantan juga terkenal dengan Mak Yong, Manora, Silat, Main Wayang Kulit (Nash,1974 : Wright,1980)). Masyarakat Kelantan khususnya yang tinggal di kawasan kampung biasanya mengambil bahagian yang aktif atau secara tidak langsung dalam persembahan seni tradisi masyarakatnya (Wright,1980). Contoh yang jelas dapat dilihat dalam persembahan Dikir Barat, di mana penyertaan masyarakat kampung daripada golongan tua atau muda yang bersama-sama mengambil bahagian apabila setiap kali persembahan Dikir Barat hendak diadakan. Seni persembahan tradisi ini telah berjaya dikomersialkan untuk tujuan menarik pelancong tempatan dan juga pelancong asing.

Masyarakat Kelantan memiliki berbagai bentuk dan jenis permainan rakyat yang di warisi turun-temurun daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Permainan rakyat seperti gasing, wau, rebana ubi, kertok, suara burung, lawan binatang menjadi kebanggaan masyarakatnya. Kesemua bentuk permainan ini pada peringkat awalnya dimainkan untuk tujuan hiburan, keseronokan dan rehat selepas musim menuai padi.

Kepelbagaian bentuk permainan tradisi rakyat yang dimiliki dan dengan sedikit pengubahsuaian tanpa mengubah ciri asalnya boleh menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Swettenham (1967 :154-155) menerangkan bandar Kota Bahru sebagai

“ given up to various forms of relaxation in a way unknown in other State in the Malay Peninsula.” (Wright, 1980).

Karnival Kebudayaan Kelantan adalah merupakan acara tahunan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri Kelantan. bertujuan untuk mempromosikan dan meningkatkan bilangan kemasukan pelancong disamping meningkatkan kesedaran dikalangan masyarakat Kelantan sendiri tentang nilai kesenian seni budaya.

Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan persekitarannya turut mengubah budaya . Tidak boleh tidak, budaya akan sentiasa berubah kerana budaya itu sendiri bersifat dinamik: a society that does not take on board new ideas, or adapt to changing global conditions is in danger of cultural retrocession. (Burns & Holden, 1995) Perubahan budaya berlaku untuk mengimbangi arus perubahan permodenan. apa yang penting perubahan itu berlaku tanpa mengubah ciri-ciri asas sesuatu budaya. Seni budaya masyarakat Kelantan juga tidak dapat lari daripada mengalami perubahan. Pihak kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk menjadikan sumber tarikan pelancongan yang dimiliki dilihat sebagai menarik dan unik.

Membangunkan sektor pelancongan sebenarnya menyediakan alternatif ekonomi kepada pihak pemerintah selain bergantung kepada sektor tradisional seperti sektor pertanian dan perusahaan (Urry, 1991 dalam Madlik, 1991). Kerajaan Glasgow sebagai contoh, telah membuat pelaburan yang besar dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap dan daya tarikan pelancongan negaranya. Penekanan diberikan kepada aspek-aspek kesenian dan budaya, muzium-muzium, festival dan lain-lain sumber tarikan dan telah berjaya membangunkan dengan pesat industri pelancongan tempatan: dalam tahun 1984, seramai 700,000 pelancong datang ke Glasgow: sehingga 1987, jumlah kemasukan pelancong melonjak kepada 4 juta orang (Hawkins, 1990 dalam Bull, 1991).

Kajian yang dilakukan di Bali, yang merupakan antara destinasi palancongan paling terkenal di Indonesia berkaitan dengan tradisi budaya sebagai tarikan pelancongan khususnya seni tarian tradisional mendapati, tarian tradisional yang dikenali sebagai

Tarian Kecak berjaya menarik ribuan penonton yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelancong-pelancong asing (Urry,1990 dalam Yamashita, Kadir & Eades, 1997).

Kajian yang dibuat oleh Yamashita,1992 mendapati bahawa Sendratari (seni drama tari) sangat terkenal dikalangan pelancong-pelancong yang berada di Bali. Daya kreativiti masyarakat Bali semasa mempersembahkan Sendratari berjaya mengajak penonton bersama-sama mengambil bahagian untuk mengalami pengalaman penuh bermakna semasa berada di Bali (Picard 1990,1993 dalam Yamashita, Kadir & Eades,1997)

Perkembangan dunia pelancongan khususnya yang dimotivasikan oleh faktor budaya adalah disebabkan peningkatan kesedaran tentang warisan seni budaya, taraf hidup yang semakin meningkat, lebih masa lapang, mobiliti yang semakin meningkat, dan taraf pendidikan yang tinggi (Eastaugh and Weiss,1989, Heinich, 1988 dalam Weiler & Hall, 1992).Walaubagaimanapun, perkembangan yang mengkagumkan dalam 'modern travel' disebabkan oleh dua faktor utama: kemajuan dalam sistem komunikasi yang berkesan, dan 'kemewahan' yang semakin bertambah-tambah dikalangan penduduk -penduduk negara-negara maju (Williams, 1994 : Hall, 1992)

Di kebanyakan negara-negara perindustrian yang maju di mana produktiviti pekerja adalah tinggi ianya menjadi trend biasa di mana pekerja-pekerja diberikan cuti tahunan selama empat hingga lima minggu ditambah dengan seminggu percutian berbayar sepenuhnya oleh majikan (Craig-Smith & French, 1994). Publisiti yang meluas dan dokumentasi melalui televisyen juga turut menyumbang kepada kesedaran orang ramai tentang warisan seni dan budaya masyarakat, melalui aktiviti pelancongan sebenarnya menyediakan dan memberi kesempatan kepada pengunjung untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman mengenai budaya masyarakat tempat yang dilawati.

BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan bagaimana kajian tentang aspek warisan seni budaya masyarakat Kelantan dijalankan. Ianya bermula dengan menerangkan berkaitan dengan reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan saiz sampel, teknik yang digunakan untuk mengumpulkan data-data, kajian rintis terhadap soal-selidik dan teknik-teknik untuk menganalisa data-data yang telah dikumpulkan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kaedah penyelidikan adalah berbentuk deskriptif kerana kajian ini bermatlamatkan untuk membuat tinjauan ke atas fenomena yang sedang dikaji. Kaedah ini boleh digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah tak bersandar dan perkaitannya dengan pembolehubah bersandar.

Memandangkan kepada jumlah populasi yang sangat ramai, teknik tinjauan sampel telah digunakan untuk membolehkan penyelidik membuat inferens tentang populasi yang sedang dikaji berdasarkan maklumat yang diperolehi dari sampel (Mohd Majid, 1994)

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dilakukan di bandar Kota Bharu kerana bandar ini merupakan tempat tumpuan pelancong selama berada di Kelantan. Bandar Kota Bharu dipilih kerana di

sinilah terdapatnya pusat kebudayaan yang memamerkan pelbagai demonstrasi dan pertunjukan warisan seni budaya masyarakat Kelantan.

3.4 Populasi dan Persampelan

3.4.1 Populasi

Populasi bagi kajian ini ialah keseluruhan individu pelancong dalam dan luar negeri yang datang melawat Kelantan dalam sesuatu tahun. Data-data mengenai jumlah kemasukan pelancong setiap tahun yang dikeluarkan oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah digunakan. Untuk tujuan kajian ini data kemasukan pelancong pada tahun 1998 telah dijadikan asas berkaitan populasi dan penentuan saiz sampel..

3.4.2 Sampel

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan rawak berstrata dan rawak mudah. Kaedah ini sesuai digunakan kerana corak populasi yang dikaji adalah tidak seragam atau populasi yang bercorak 'heterogeneous'. Melalui kaedah ini, populasi yang dikaji telah dibahagikan kepada dua strata iaitu pelancong tempatan dan pelancong asing dengan pecahan 60% pelancong tempatan dan 40% pelancong asing.

Nisbah 6:4 pelancong tempatan dan pelancong asing dibuat berdasarkan kepada jumlah kemasukan pelancong tempatan yang lebih besar berbanding pelancong asing. Setelah jumlah sampel telah dikenalpasti, pelancong-pelancong berkenaan dipilih secara rawak mudah. Rekabentuk sampel kebarangkalian menggunakan prinsip ini dapat memberikan peluang yang sama kepada setiap populasi untuk menjadi sampel.

3.4.3 Saiz Sampel

Bagi tujuan untuk menentukan saiz sampel dari keseluruhan populasi, jumlah populasi pada tahun 1998 yang berjumlah seramai 2,630,438 juta orang telah dijadikan asas. Saiz sampel adalah berdasarkan jumlah purata harian pelancong yang melawat Kelantan pada tahun 1998 iaitu seramai 7,205 orang. Saiz sampel yang ditentukan ialah seramai 364 orang.(Uma Sekaran, 1992). Daripada 364 sampel, 218 terdiri daripada pelancong tempatan, manakala 146 terdiri daripada pelancong asing.

3.5 **Sumber Data**

- a) Data Primer
- b) Data Sekunder

3.6 **Teknik Pengumpulan Data.**

Kaedah kajian ini melibatkan pengumpulan data-data premier yang telah diperolehi dengan cara:

- a) Data premier diperolehi melalui soal-selidik berstruktur (Lampiran 1) yang diedarkan kepada responden dan interbiu yang telah dibuat dengan pihak berkuasa pengurusan pelancongan negeri, pengurus dan pengusaha hotel/hostel dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat tambahan. Soal selidik telah dirangka mengikut bahagian seperti berikut:

Bahagian I

A : Maklumat mengenai diri responden

B : Maklumat mengenai lawatan/percutian

Bahagian II

C : Sumber tarikan dan industri pelancongan

D : Keunikan sosio-budaya masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancongan

E : Keunikan hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan pelancongan

F : Permainan tradisi rakyat sebagai sumber tarikan pelancongan

G : Persembahan seni tradisi sebagai tarikan pelancongan

b) Data-data sekunder telah diperolehi dari Pusat Kemajuan Pelancongan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan, pihak pengurusan hotel / hostel, persatuan-persatuan berkaitan dan buku-buku rujukan perpustakaan. Data-data sekunder yang dikumpulkan bertujuan membantu dalam membuat rangka kerja teoritikal, penentuan saiz sampel, membentuk soal selidik dan menguatkan penemuan-penemuan hasil kajian.

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis diperlukan untuk mengetahui kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 20 orang responden telah ditemui untuk tujuan ini, keputusan yang diperolehi adalah seperti berikut

a) Soalan Bahagian C: Sumber Tarikan dan Industri Pelancongan

Mengandungi 5 item dengan alpha 0.7215

b) Soalan Bahagian D: Sosio-budaya Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Mengandungi 6 item dengan alpha 0.7574

c) Soalan Bahagian E: Hasil Kerja tangan Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Mengandung 6 item dengan alpha 0.8215

d) Soalan Bahagian F: Permainan Tradisi Rakyat Sebagai Sumber Tarikan
Pelancongan

Mengandung 4 item dengan alpha 0.8268

e) Soalan Bahagian G: Persembahan Seni Tradisi Sebagai Sumber Tarikan
Pelancongan

Mengandung 8 item dengan alpha 0.7168

Soalan-soalan pada Bahagian A (latar belakang responden) dan Bahagian B (lawatan) dipungut daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Aliza bt. Salleh (1997).

3.8 Teknik Analisa Data

Program SPSS telah digunakan untuk merumuskan data-data yang terkumpul daripada soal-selidik yang diedarkan kepada responden. Prosedur perangkaan seperti '*contingency table*' (*Crosstabulation*) dan beberapa perangkaan asas seperti '*mean*' dan peratusan telah digunakan untuk menganalisis data-data. Analisa perhubungan antara angkubah-angkubah yang dipilih adalah menggunakan teknik khi kuasdua (*Crosstabs*) dan nilai '*lambda*' digunakan untuk menilai kekuatan hubungan antara angkubah-angkubah yang dipilih. Laporan dan analisa kajian adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti apakah aspek-aspek warisan seni budaya yang dimiliki oleh masyarakat Kelantan yang menjadi sumber tarikan pelancong-pelancong untuk melawat negeri Kelantan. Hasil dapatan kajian telah dapat mempamerkan apakah sumber tarikan utama yang mendorong pelancong-pelancong tempatan dan pelancong-pelancong asing melawat negeri Kelantan disamping dapat melihat perkaitan hubungan antara pelancong dalam negeri dan pelancong antarabangsa terhadap sumber tarikan pelancongan negeri Kelantan.

Analisis data telah menggunakan bantuan komputer menggunakan perisian SPSS bagi menganalisis data-data yang telah dikumpulkan, dan kaedah statistik diskriptif telah digunakan untuk melihat taburan kekerapan dan peratusan.

4.2 Latar Belakang Responden

Sejumlah 364 responden yang berada di sekitar bandar Kota Bahru telah dipilih secara rawak dan telah ditemuduga dengan menggunakan soal-selidik seperti di Lampiran L1 dan L2. Ciri-ciri latar belakang responden adalah seperti berikut:

4.2.1 Residen Pelancong

Jadual 4.1 : Residen Pelancong

Residen Pelancong	Kekerapan	Peratus
Pelancong Dalam Negeri	218	59.9
Pelancong Antarabangsa	146	40.1
Jumlah	364	100

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah responden yang digunakan sebagai sampel dalam kajian ini terdiri daripada 218 orang (59.9%) pelancong dalam negeri dan 146 orang (40.1%) pelancong antarabangsa.

4.2.2 Jantina Pelancong

Jadual 4.2 : Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	160	44.0
Perempuan	204	56.0
Jumlah	364	100

Jadual 4.2 menunjukkan seramai 160 orang (44.0%) pelancong lelaki dan seramai 204 orang (56.0%) pelancong perempuan telah dipilih sebagai responden.

4.2.3 Umur Responden

Jadual 4.3 : Taburan Umur Pelancong

Umur	Kekerapan	Peratus
Bawah 20 tahun	16	4.4
21 - 40 tahun	211	58.0
41 - 60 tahun	131	36.0
60 tahun ke atas	6	1.6
Jumlah	364	100

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa kumpulan pelancong berumur dalam lingkungan 21 - 40 tahun merupakan kumpulan paling ramai ($n = 211$, 58.0%) diikuti oleh kumpulan pelancong dalam lingkungan umur 41 - 60 tahun ($n = 131$, 36.0%). Kumpulan pelancong dalam lingkungan umur bawah 20 tahun ($n = 16$, 4.4 %) dan kumpulan pelancong dalam lingkungan umur 60 tahun ke atas ($n = 6$, 1.6%).

4.2.4 Taraf Perkahwinan Responden

Jadual 4.4 : Status Perkahwinan

Status	Kekerapan	Peratus
Bujang	136	37.4
Berkahwin	228	62.6
Jumlah	364	100

Jadual 4.4 di atas menunjukkan seramai (n = 136, 37.4%) responden yang telah disoal-selidik masih lagi belum berkahwin, manakala seramai (n = 228, 62.6%) responden telahpun berkahwin

4.3 Tujuan Lawatan Ke Kelantan

Jadual 4.5 : Tujuan Lawatan

Tujuan	Kekerapan	Peratus
Bercuti	236	64.8
Urusan Perniagaan	21	5.8
Tugas Rasmi	64	17.6
Melawat Saudara/kawan	34	9.3
Membeli-belah	9	2.5
Jumlah	364	100

Jadual 4.5 menunjukkan lebih daripada setengah responden (64.8%) yang disoal-selidik telah datang ke Kelantan untuk tujuan yang khusus iaitu bercuti, manakala 17.6% berada di Kelantan kerana tugas rasmi, 9.3% berada di Kelantan untuk tujuan melawat saudara mara dan kawan, 5.8% kerana urusan perniagaan dan 2.5% untuk tujuan membeli belah.

4.4 Jenis Lawatan Responden

Jadual 4.6 : Jenis Lawatan

Jenis lawatan	Kekerapan	Peratus
Persendirian	127	34.9
Berkumpulan	87	23.9
Berkeluarga	150	41.2
Jumlah	364	100

Jadual 4.6 menunjukkan sebahagian besar pelancong ($n = 237, 65.1\%$) melawat Kelantan secara berkumpulan (termasuk datang bersama keluarga), manakala selebihnya ($n=127,34.9\%$) datang ke Kelantan secara persendirian. Lawatan secara persendirian didapati banyak berlaku dikalangan pelancong antarabangsa.

4.5 Bilangan Lawatan Responden ke Kelantan

Jadual 4.7 : Bilangan Lawatan

Bil. Lawatan	Kekerapan	Peratus
Pertama	160	44.0
Kedua	61	16.8
Ketiga dan lebih	142	39.2
Jumlah	364	100

Jadual 4.7 menunjukkan lebih daripada setengah responden ($n=203, 56.0\%$) yang disoal-selidik datang ke Kelantan lebih daripada sekali, sementara ($44.0\%, n=160$) daripada responden datang ke Kelantan buat pertama kali. Majoriti pelancong tempatan telah datang ke Kelantan lebih daripada sekali dan bagi pelancong antarabangsa majoritinya datang ke Kelantan untuk pertama kali.

4.6 Sumber Tarikan dan Industri Pelancongan Kelantan

Jadual 4.8 : Kelantan menawarkan pelbagai sumber tarikan pelancongan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Negeri Kelantan menawarkan pelbagai sumber tarikan pelancongan		
Amat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	1	0.3
Berkecuali	65	17.9
Setuju	251	69.0
Amat setuju	47	12.8
Jumlah	364	100

Jadual 4.8 menunjukkan sebanyak (n=251, 69%) daripada responden bersetuju bahawa lawatan mereka ke Kelantan adalah kerana Kelantan mampu menawarkan pelbagai sumber tarikan pelancongan. (12.8%, n=47) mengatakan bahawa mereka amat bersetuju, (n=65, 17.9%) berkecuali, manakala (n=1, 0.3%) tidak bersetuju.

Jadual 4.9 : Tarikan warisan seni dan budaya masyarakat

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Saya amat tertarik dengan warisan seni dan budaya masyarakatnya		
Amat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	1	0.3
Berkecuali	40	11.0
Setuju	297	81.6
Amat setuju	26	7.1
Jumlah	364	100

Jadual 4.9 menunjukkan sebanyak (81.6%, n=297) bersetuju dengan kenyataan bahawa lawatan mereka ke Kelantan adalah kerana tertarik dengan keunikan warisan seni tradisi dan budaya asli masyarakat, berbanding dengan (11.3%, n=41) responden berkecuali dan (0.3%, n=1) tidak bersetuju.

Jadual 4.10 : Keunikan budaya masyarakat Melayu boleh dilihat di Kelantan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Seseorang boleh melihat keunikan kebudayaan masyarakat Melayu apabila berada di Kelantan		
Amat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	2	0.5
Berkecuali	101	27.7
Setuju	183	50.3
Amat setuju	78	21.4
Jumlah	364	100

Jadual 4.10 menunjukkan sebanyak (21.4%, n=78) daripada responden amat bersetuju, dan (50.3%, n=183) bersetuju dengan kenyataan bahawa warisan seni tradisi dan budaya asli masyarakat Kelantan boleh mewakili kebudayaan bangsa Melayu keseluruhannya berbanding dengan (27.7%, n=101) daripada responden berkecuali dan (0.5%, n=2) daripada responden tidak bersetuju.

Jadual 4.11 : Budaya masyarakat Kelantan tetap teguh menghadapi perubahan zaman

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Budaya masyarakat Kelantan tetap teguh menghadapi perubahan zaman		
Amat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	13	3.6
Berkecuali	91	25.0
Setuju	182	50.0
Amat setuju	78	21.4
Jumlah	364	100

Jadual 4.11 menunjukkan sebanyak (50.0%, n=182) daripada responden bersetuju bahawa kebudayaan masyarakat Kelantan tetap teguh menghadapi perubahan zaman, (25.0%, n=91) berkecuali, (21.4%, n=78) amat bersetuju, dan (3.6%, n=13) tidak bersetuju. Tidak ada seorangpun daripada responden memilih untuk mengatakan amat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 4.12 : Kekuatan pengaruh warisan seni budaya terhadap tarikan pelancongan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Berikan penilaian anda terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya terhadap tarikan pelancongan anda		
Amat rendah	6	1.6
Rendah	6	1.6
Sederhana	172	47.3
Tinggi	112	30.8
Amat tinggi	68	18.7
Jumlah	364	100

Jadual 4.12 menunjukkan dari segi kekuatan pengaruh keunikan warisan seni budaya terhadap tarikan pelancongan ke negeri Kelantan, sebanyak (18.7%, n=68) responden mengatakan pengaruh yang amat tinggi, (30.8%, n=112) mengatakan pengaruh yang tinggi, (47.3%, n=172) mengatakan pengaruh yang sederhana, dan masing-masing (1.6%, n=6) mengatakan pengaruh yang rendah dan amat rendah.

4.7 Sosio-budaya Masyarakat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Jadual 4.13 Kegigihan kaum wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi.

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Kegigihan kaum wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi.		
Amat rendah	0	0
Rendah	72	19.8
Sederhana	58	15.9
Tinggi	114	31.3
Amat tinggi	120	33.0
Jumlah	364	100

Jadual 4.13 menunjukkan sebanyak (64.3%, n=234) responden meletakkan pengaruh yang tinggi terhadap kegigihan kaum wanitanya sebagai sumber tarikan semasa mereka berada di Kelantan, (15.9%, n=58) menilai sederhana, manakala (19.8%, n=72)

mengatakan pengaruh yang rendah. Tiada seorang responden menilai amat rendah pernyataan di atas sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.

Jadual 4.14 Sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan bersaing dengan kaum lain dalam bidang ekonomi .

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum sukar ditemui ditempat-tempat lain.		
Amat rendah	2	0.5
Rendah	83	22.8
Sederhana	32	8.8
Tinggi	238	64.4
Amat tinggi	9	2.5
Jumlah	364	100

Jadual 4.14 menunjukkan daripada 364 orang responden, (67.9%, n=247) mengatakan pengaruh yang tinggi, (8.8%, n=32) mengatakan pengaruh yang sederhana, manakala (23.3%, n=85) mengatakan pengaruh yang rendah. Sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan sangat menarik perhatian pelancong semasa mereka berada di Kelantan.

Jadual 4.15 Penghayatan nilai-nilai Islam dan amalan budaya ketimuran .

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Penghayatan nilai-nilai Islam dan amalan budaya ketimuran sebagai sumber tarikan pelancongan.		
Amat rendah	1	0.3
Rendah	66	18.1
Sederhana	174	47.8
Tinggi	91	25.0
Amat tinggi	32	8.8
Jumlah	364	100

Jadual 4.15 menunjukkan majoriti (47.8%, n=174) responden menilai sederhana, (33.8%, n=123) menilai pengaruh yang tinggi, manakala (18.4%, n=67) memberikan penilaian rendah terhadap tarikan penghayatan nilai-nilai dan budaya ketimuran dikalangan masyarakat Kelantan.

Jadual 4.16 Perpaduan dan perhubungan erat antara kaum dan suasana selesa semasa berada di Kelantan.

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Perpaduan dan perhubungan erat antara kaum mewujudkan suasana selesa kepada pelawat sebagai sumber tarikan pelancongan.		
Amat rendah	63	17.0
Rendah	5	1.4
Sederhana	23	6.3
Tinggi	143	39.3
Amat tinggi	130	35.6
Jumlah	364	100

Jadual 4.16 menunjukkan (74.9%, n=273) responden memberikan penilaian tinggi dan amat tinggi terhadap suasana selesa mereka berada di Kelantan yang disebabkan perhubungan dan perpaduan erat antara kaum-kaum di Kelantan, (6.3%, n=23) menilai sederhana, dan (18.4%, n=68) menilai tahap rendah.

Jadual 4.17 Sifat ramah mesra masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancongan.

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Sifat ramah mesra masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancongan.		
Amat rendah	2	0.6
Rendah	4	1.1
Sederhana	86	23.7
Tinggi	220	60.6
Amat tinggi	51	14.0
Jumlah	364	100

Jadual 4.17 menunjukkan sebanyak (60.6%, n=220) responden meletakkan skala tarikan tinggi dan (14.0%, n=51) menilai amat tinggi terhadap sifat ramah-mesra masyarakat Kelantan semasa mereka berada di Kelantan, (23.7%, n=86) menyatakan sebagai tarikan yang sederhana, manakala (1.1%, n=4) meletakkan sifat-ramah mesra pada tahap rendah dan (0.6%, n=2) menilai amat rendah terhadap tarikan pelancongan mereka.

Jadual 4.18 Makanan dan kueh-mueh tradisional yang beraneka dan lazat sebagai sumber tarikan pelancongan.

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Makanan dan kueh-mueh tradisional yang beraneka dan lazat sebagai sumber tarikan pelancongan.		
Amat rendah	3	0.8
Rendah	8	2.2
Sederhana	93	25.5
Tinggi	153	42.0
Amat tinggi	107	29.4
Jumlah	364	100

Jadual 4.18 menunjukkan sebanyak (29.4%, n=107) responden mengatakan tahap tarikan amat tinggi dan (42.0%, n=153) memberikan skor tinggi terhadap kepelbagaian jenis makanan dan kueh-mueh tradisional masyarakat Kelantan, dan (25.5%, n=93) memberikan skor sederhana, manakala (2.2%, n=8) memberikan skor tarikan yang rendah dan amat rendah.

4.8 Keunikan Hasil Kerja tangan Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Jadual 4.19 Ketinggian seni dan mutu hasil kerja tangan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Ketinggian seni dan mutu hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan pelancongan		
Amat rendah	10	2.7
Rendah	18	4.9
Sederhana	184	50.5
Tinggi	121	33.2
Amat tinggi	31	8.5
Jumlah	364	100

Jadual 4.19 menunjukkan sebanyak (8.5%, n=31) responden memberikan skor yang amat tinggi, (33.2%, n=121) responden memberikan skor yang tinggi, (50.5%, n=184) responden memberikan skor sederhana, (4.9%, n=18) memberikan skor yang rendah dan (2.7%, n=10) memberikan skor yang amat rendah terhadap ketinggian nilai seni dan

mutu hasil kerja tangan masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.

Jadual 4.20 Hasil kerja tangan menggunakan daya kreativiti dan imajinasi yang tinggi.

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Hasil kerja tangan menggunakan daya kreativiti dan imajinasi yang tinggi.		
Amat rendah	11	3.0
Rendah	15	4.1
Sederhana	106	29.1
Tinggi	158	43.4
Amat tinggi	74	20.3
Jumlah	364	100

Jadual 4.20 menunjukkan sebanyak (23.3%, n=74) responden memberikan skor yang amat tinggi, (43.4%, n=158) responden memberikan skor yang tinggi, (29.1%, n=106) responden memberikan skor yang sederhana, (4.1%, n=15) memberikan skor yang rendah, manakala (3.0%, n=11) responden memberikan skor yang amat rendah pernyataan di atas.

Jadual 4.21 Perasaan bangga memiliki hasil kerja tangan masyarakat Kelantan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Perasaan bangga memiliki hasil kerja tangan masyarakat Kelantan		
Amat rendah	0	0
Rendah	23	6.3
Sederhana	37	10.2
Tinggi	156	42.9
Amat tinggi	148	40.7
Jumlah	364	100

Jadual 4.21 menunjukkan sebanyak (40.7%, n=148) responden memberikan skor yang amat tinggi, (42.9%, n=156) responden memberikan skor yang tinggi, (10.2%, n=37) responden memberikan skor yang sederhana, (6.3%, n=23) responden memberikan skor yang rendah, dan tiada seorangpun responden memberikan skor yang amat rendah terhadap pernyataan di atas.

4.22 Corak dan bentuk pada hasil kerja tangan melambangkan keperibadian

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Corak dan bentuk pada hasil kerja tangan melambangkan keperibadian		
Amat rendah	0	0
Rendah	22	6.0
Sederhana	120	33.0
Tinggi	218	59.9
Amat tinggi	4	1.1
Jumlah	364	100

Jadual 4.22 menunjukkan sebanyak (1.1%, n=4) responden memberikan skor yang amat tinggi, (59.9%, n=218) responden memberikan skor yang tinggi, (33.0%, n=120) responden memberikan skor yang sederhana, (6.0%, n=22) responden memberikan skor yang rendah dan tiada seorangpun responden memberikan skor yang amat rendah terhadap pernyataan di atas.

Jadual 4.23 Kekuatan pengaruh keunikan hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Kekuatan pengaruh keunikan hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan		
Amat rendah	0	0
Rendah	15	4.1
Sederhana	73	20.0
Tinggi	205	56.3
Amat tinggi	71	19.5
Jumlah	364	100

Jadual 4.23 menunjukkan sebanyak (19.5%, n=71) responden memberikan skor yang amat tinggi, (56.3%, n=205) responden memberikan skor yang tinggi, (20.0%, n=73) responden memberikan skor yang sederhana, (4.1%, n=15) responden memberikan skor yang rendah, dan tiada seorangpun responden memberikan skor yang amat rendah terhadap kekuatan pengaruh keunikan hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.

4.9 Permainan Tradisi Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan.

Jadual 4.24 Permainan rakyat sebagai permainan tradisional asli masyarakat

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Permainan rakyat sebagai permainan tradisional asli masyarakat		
Amat rendah	3	0.8
Rendah	18	4.9
Sederhana	128	35.2
Tinggi	75	20.6
Amat tinggi	140	38.5
Jumlah	364	100

Jadual 4.24 menunjukkan sebanyak (38.5%, n=140) responden memberikan skor yang amat tinggi, (20.6%, n=75) responden memberikan skor yang tinggi, (35.2, n=128) responden memberikan skor yang sederhana, (4.9%, n= 18) responden memberikan skor yang rendah, dan (0.8%, n=3) responden memberikan skor yang amat rendah terhadap pernyataan di atas.

Jadual 4.25 Cara permainan rakyat dimainkan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Cara permainan rakyat dimainkan		
Amat rendah	2	0.5
Rendah	88	24.2
Sederhana	44	12.1
Tinggi	225	61.8
Amat tinggi	5	1.4
Jumlah	364	100

Jadual 4.25 menunjukkan sebanyak (1.4%, n=5) responden memberikan skor yang amat tinggi, (61.8%, n=225) responden memberikan skor yang tinggi, (12.1%, n=44) responden memberikan skor yang sederhana, (24.2%, n=88) memberikan skor yang rendah, dan (0.5%, n=2) memberikan skor yang amat rendah terhadap tarikan cara di mana permainan tradisi rakyat dipersembahkan.

Jadual 4.26 Keunikan permainan tradisinoal sebagai sumber tarikan pelancongan

Pernyataan	Kekerapan	Peratus
Keunikan permainan tradisinoal sebagai sumber tarikan pelancongan		
Amat rendah	5	1.4
Rendah	73	20.1
Sederhana	53	14.6
Tinggi	233	64.0
Amat tinggi	5	1.4
Jumlah	364	100

Jadual 4.26 menunjukkan (1.4%, n=5) responden memberikan skor yang amat tinggi, (64.0%, n=233) responden memberikan skor yang tinggi, (14.6%, n=53) responden memberikan skor yang sederhana, (20.1, n=73) responden memberikan skor yang rendah, dan (1.4%, n=5) memberikan skor yang amat rendah terhadap keunikan permainan tradisional sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.

4.10 Persembahan Seni Tradisi Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

Jadual 4.27 Persembahan seni tradisi dan tarikan pelancongan

Jenis Persembahan Tradisi	Amat Rendah		Rendah		Sederhan		Tinggi		Amat Tinggi	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Pertunjukan Wayang Kulit	2	0.5	89	24.5	67	18.4	187	51.4	19	5.2
Persembahan Mak Yong	26	7.1	84	23.1	56	15.4	154	42.3	44	12.1
Persembahan Dikir Barat	0	0	22	6.0	109	29.0	139	38.2	94	25.8
Persembahan Seni Silat	1	.03	17	4.7	114	31.3	145	39.8	87	23.9

Jadual 4.27 menunjukkan sebanyak (5.2%, n=19) responden memberikan skor yang tinggi terhadap persembahan Wayang Kulit, (51.4%, n= 187) responden memberikan skor yang rendah, dan (7.1%, n=26) responden memberikan skor yang amat rendah terhadap tarikan persembahan Mak Yong kepada tarikan pelancongan mereka.

Dari segi persembahan Dikir Barat, Jadual 4.27 menunjukkan sebanyak (25.8%, n=94) responden memberikan skor yang amat tinggi, (38.2%, n=139) responden memberikan skor yang tinggi, (29.0%, n=109) responden memberikan skor yang sederhana, (6.0%, n=22) responden memberikan skor yang rendah, dan tiada seoranganpun responden memberikan skor yang amat rendah terhadap persembahan Dikir Barat kepada tarikan pelancongan mereka.

Tarikan pelancongan dari segi persembahan seni Silat, Jadual 4.27 menunjukkan (23.9%, n=87) responden memberikan skor yang amat tinggi, (39.8%, n=145) responden memberikan skor yang tinggi, (31.3%, n=114) responden memberikan skor yang sederhana, (4.7%, n=17) responden memberikan skor yang rendah, dan (0.3%, n=1) responden memberikan skor yang amat rendah.

Jadual 4.28 Tarikan persembahan sein tradisi dari segi aksi, pakaian, bahasa dan muzik

Tarikan Persembahan Dari Segi	Amat Rendah		Rendah		Sederhan		Tinggi		Amat Tinggi	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
Aksi	1	0.3	29	8.0	139	38.2	184	50.5	11	3.0
Pakaian	0	0	10	2.7	95	26.1	201	55.2	58	15.9
Bahasa	1	0.3	2	0.5	77	21.2	273	75.0	11	3.0
Muzik	24	6.6	12	3.3	44	12.1	184	50.5	100	27.5

Jadual 4.28 menunjukkan sebanyak (0.3%, n=1) responden memberikan skor yang amat tinggi, (50.5%, n=184) responden memberikan skor yang tinggi, (38.2%, n=139) responden memberikan skor yang sederhana, (8.0%, n=29) responden memberikan skor yang rendah, dan (0.3%, n=1) memberikan skor yang amat rendah kepada faktor tarikan aksi yang terdapat dalam persembahan seni tradisi.

Dari segi pakaian yang dipakai oleh semasa mengadakan persembahan, Jadual 4.28 menunjukkan (15.9%, n=58) responden memberikan skor yang amat tinggi, (55.2%, n=201) responden memberikan skor yang tinggi, (26.1%, n=95) memberikan skor yang sederhana, dan (2.7%, n=10) memberikan skor yang rendah. Tiada seorangpun responden menilai pakaian yang dipakai semasa mengadakan persembahan pada tahap yang amat rendah.

Daripada Jadual 4.28, maklum balas yang diperolehi daripada soal-selidik mendapati sebanyak (3.0%, n=11) memberikan skor yang amat tinggi, (75.0%, n=273) memberikan skor yang tinggi, (21.2%, n=77) memberikan skor yang sederhana, (0.5%, n=2) memberikan skor yang rendah, dan (0.3%, n=1) memberikan skor yang amat rendah terhadap bahasa yang digunakan semasa persembahan seni tradisi diadakan.

Jadual 4.28 juga menunjukkan sebanyak (27.5%, n=100) memberikan skor yang amat tinggi, (50.5%, n=184) memberikan skor yang tinggi, (12.1%, n=44) memberikan skor yang sederhana, (3.3%, n=12) memberikan skor yang rendah, dan (6.6%, n=24) memberikan skor yang amat rendah terhadap tarikan muzik yang mengiringi persembahan seni tradisi masyarakat Kelantan.

4.11 Analisis Realibiliti Data

Untuk menentukan konsistensi data-data yang dikumpulkan, analisis realibiliti dengan bantuan komputer (program SPSS) untuk mencari nilai alpha telah dilakukan dan keputusannya adalah seperti berikut:

4.11.1 Soalan-soalan pada Bahagian B (Lawatan)

Bahagian ini mempunyai 4 soalan berkaitan dengan lawatan responden ke Kelantan. Analisis realibiliti ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha cronbach bersamaan dengan 0.5287 (Lampiran A1).

4.11.2 Soalan-soalan pada Bahagian C (Sumber Tarikan Pelancongan Kelantan)

Bahagian ini mempunyai 5 soalan berkaitan dengan sumber tarikan pelancongan Kelantan yang menarik minat pelancong. Analisis realibility ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha cronbach bersamaan dengan 0.6910 (Lampiran A2).

4.11.3 Soalan-soalan pada Bahagian D (Sosio-budaya Sebagai Sumber Tarikan Pelancong)

Bahagian ini mempunyai 6 soalan berkaitan sosio-budaya masyarakat Kelantan yang menjadi sumber tarikan pelancongan ke Kelantan. Analisis realibility ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha cronbach bersamaan dengan 0.7025 (Lampiran A3).

4.11.4 Soalan-soalan pada Bahagian E (Keunikan Hasil Kerjatangan Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan)

Bahagian ini mempunyai 6 soalan berkaitan dengan aspek keunikan hasil kerjatangan masyarakat Kelantan yang menarik minat palancong semasa berada di Kelantan. Analisis realibility ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha cronbach bersamaan dengan 0.7125 (Lampiran A4)

4.11.5 Soalan-soalan pada Bahagian F (Permainan Tradisional Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan)

Bahagian ini mempunyai 4 soalan berkaitan dengan aspek permainan tradisi rakyat sebagai sumber tarikan pelancongan. Analisis realibility ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha bersamaan dengan 0.9080 (Lampiran A5).

4.11.6 Soalan-soalan pada Bahagian G (Persembahan Seni Tradisi Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan)

Bahagian ini mempunyai 8 soalan berkaitan dengan perkara di atas. Analisis realibility ke atas sejumlah 364 data yang dipungut menghasilkan nilai alpha bersamaan dengan 0.7439 (Lampiran A6).

4.12 **Pengujian Hipotesis**

Hipotesis-hipotesis yang akan diuji bagi kajian ini ialah;

- H1o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan luar negeri yang datang ke Kelantan terhadap dorongan pelancongan mereka.
- H1a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan luar negeri yang datang ke Kelantan terhadap dorongan pelancongan mereka.

- H2o: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pelancong lelaki dan pelancong perempuan terhadap dorongan melancong ke Kelantan.
- H2a: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pelancong lelaki dan pelancong perempuan terhadap dorongan melancong ke Kelantan.

- H3o: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur pelancong dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan
- H3a: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara umur pelancong dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan

- H4o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara taraf perkahwinan pelancong dengan dorongan melancong.
- H4a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara taraf perkahwinan pelancong dengan dorongan melancong.
- H5o: Tidak terdapat perbezaan hubungan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.
- H5a: Terdapat perbezaan hubungan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya sebagai sumber tarikan pelancongan mereka.
- H6o: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang-peluang ekonomi.
- H6a: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang-peluang ekonomi.
- H7o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum.
- H7a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum.

- H8o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Kelantan.
- H8a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Kelantan.
- H9o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan suasana selesa berada di Kelantan kerana perpaduan dan perhubungan erat di antara kaum.
- H9a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan suasana selesa berada di Kelantan kerana perpaduan dan perhubungan erat di antara kaum.
- H10o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat ramah mesra masyarakat Kelantan.
- H10a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat ramah mesra masyarakat Kelantan.
- H11o: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional masyarakat Kelantan.
- H11a: Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional masyarakat Kelantan.

- H12o: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan hasil kerjatangan masyarakat Kelantan.
- H12a: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan hasil kerjatangan masyarakat Kelantan.
- H13o: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan permainan tradisional masyarakat Kelantan.
- H13a: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan keunikan permainan tradisional masyarakat Kelantan.

Analisis kajian berbentuk *Test of independence : Contingency Tables (Crosstabulation)* dari program komputer SPSS digunakan untuk mengujikaji hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk. Analisis untuk melihat perhubungan di antara dua pembolehubah tidak bersandar akan dianalisis berdasarkan *Chi-square (Crosstabs)* dan pengukuran kekuatan perhubungan di antara dua pembolehubah akan menggunakan nilai *Lambda*.

Nilai *Lambda* memberi ukuran dalam bentuk *proportional reduction in error (PRE)* yang bernilai di antara 0 hingga 1. Nilai $\Lambda = 0.00$, bermakna kedua-dua pembolehubah adalah tidak bergantung, atau kekuatan hubungan antara dua pembolehubah berkenaan tidak wujud. Nilai $\Lambda = 1.00$, bermakna terdapat hubungan yang kuat di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. *Lambda* juga dapat mencerminkan pengurangan kesilapan bila satu nilai pembolehubah digunakan untuk menganggar nilai pembolehubah yang lain

4.12.1 Hubungan Pelancong dan Dorongan Melancong

Print-out komputer untuk *contingency table (crosstabulation)* antara tempat asal pelancong dan dorongan melancong ke Kelantan ditunjukkan di Lampiran T1. Penelitian kepada angka-angka dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa dorongan budaya masyarakat adalah amat tinggi iaitu 58.5% berbanding dengan dorongan-dorongan lain. Ini bermakna dorongan utama pelancong datang ke Kelantan adalah kerana tarikan budayanya.

Bagi menentukan samada perhubungan di antara pelancong dalam dan luar negeri terhadap dorongan budaya itu signifikan atau tidak, teknik Chi-square (Crosstabs) digunakan.

Chi-square (dikira) = 97.17899

Pada paras keyakinan 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan, nilai Chi-square (jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara pelancong dan dorongan untuk melancong ke Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dengan dorongan untuk melancong, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara yang mendorong seseorang pelancong melawat negeri Kelantan dan bolehlah dikatakan bahawa pelancong berminat datang ke Kelantan kerana ia dapat menawarkan pelbagai sumber tarikan untuk pelancongan.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap dorongan melancong ke Kelantan pada paras yang tinggi (0.1354) adalah betul, dengan kesilapan sebanyak 2.75%, maka hipotesis H₁₀ ditolak dan menerima hipotesis H_{1a}.

4.12.2 Hubungan Jantina Pelancong dan Dorongan Melancong

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan jantina pelancong dan dorongan melancong adalah seperti di Lampiran T2.

Bagi menentukan samada perhubungan di antara jantina pelancong terhadap dorongan budaya itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai *Chi-square* (dikira) = 8.38708

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai *Chi-square* (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai *Chi-square* (dikira) lebih kecil daripada nilai *Chi-square* (jadual), ini bermakna hubungan antara jantina pelancong dan dorongan untuk melancong ke Kelantan adalah tidak signifikan. Dengan kata lain tidak terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong lelaki dan pelancong perempuan terhadap dorongan untuk melancong ke Kelantan, bermakna tidak terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong lelaki dengan pelancong perempuan untuk datang melawat Kelantan.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan di antara jantina pelancong dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan pada paras yang tinggi (0.0643) adalah betul, dengan kesilapan sebanyak 1.25%, maka hipotesis H_0 gagal ditolak dan bermakna menerima hipotesis H_1 .

4.12.3 Hubungan Umur Pelancong dan Dorongan Melancong

Print-out komputer untuk *contingency table (crosstabulation)* hubungan umur pelancong dan dorongan melancong adalah seperti di Lampiran T3. Bagi menentukan samada perhubungan di antara umur pelancong terhadap dorongan melancong itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 23.94887

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 12 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 21.0261

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara umur pelancong dan dorongan untuk melancong ke Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara peringkat-peringkat umur pelancong dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam peringkat umur bawah 20 tahun, 21-40 tahun, 41-60 tahun, dan 60 tahun ke atas terhadap sumber tarikan pelancongan mereka.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan di antara peringkat umur pelancong dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan pada paras yang tinggi (0.0658) adalah betul, dan dengan kesilapan sebanyak 1.30%, maka hipotesis H3o ditolak dan menerima hipotesis H3a.

4.12.4 Hubungan Taraf Perkahwinan dan Dorongan Melancong

Print-out komputer untuk *contingency table (crosstabulation)* hubungan taraf perkahwinan pelancong dan dorongan melancong adalah seperti di Lampiran T4.

Bagi menentukan samada perhubungan di antara taraf perkahwinan pelancong terhadap dorongan budaya itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 23.95427. Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara taraf perkahwinan pelancong dan dorongan untuk melancong

ke Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong bujang dan berkahwin dengan dorongan untuk melancong ke Kelantan, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong bujang dengan pelancong yang telah berkahwin terhadap sumber tarikan pelancongan mereka.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah di atas pada paras yang tinggi (0.0291) adalah betul, dengan kesilapan sebanyak 0.00%, maka hipotesis H₀ ditolak dan menerima hipotesis H_{4a}.

4.12.5 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Kekuatan Pengaruh Warisan Seni Budaya

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan kekuatan pengaruh warisan seni budaya adalah seperti di Lampiran T5.

Bagi menentukan samada perhubungan di antara tempat asal pelancong terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 7.34547

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai *Chi-square* (dikira) lebih kecil daripada nilai *Chi-square* (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan kekuatan pengaruh warisan seni budaya adalah tidak signifikan. Dengan kata lain tidak terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya, bermakna tidak terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah pada paras yang tinggi (0.0643), dengan kesilapan sebanyak 0.00%, maka hipotesis H5o gagal ditolak dan bermakna menerima hipotesis H5o.

4.12.6 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Kegigihan Wanita Kelantan Bersaing Dengan Kaum Lelaki Dalam Merebut Peluang Ekonomi

Print-out komputer untuk contingency table (Crosstabulation) tempat asal pelancong dan tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang-peluang ekonomi adalah seperti di Lampiran T6.

Bagi menentukan samada perhubungan di antara tempat asal pelancong dan tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi itu signifikan atau tidak, teknik Chi-square (Crosstabs) digunakan. Nilai Chi-square (dikira) = 41.84215, pada aras keertian 95% (Alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 7.8143

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang ekonomi, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan kegigihan wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang-peluang ekonomi.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah pada paras yang tinggi (0.13882), dengan kesilapan sebanyak 17.9%, maka hipotesis H6o ditolak dan bermakna menerima hipotesis H6a.

4.12.7 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Sifat Dinamis Masyarakat Melayu Kelantan Dalam Persaingan Merebut Peluang-peluang Ekonomi Dengan Lain-lain Kaum.

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum adalah seperti di Lampiran T7.

Bagi menentukan samada hubungan tempat asal pelancong dan tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 68.14900

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lain-lain kaum.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah pada paras yang tinggi (0.11041), dengan kesilapan sebanyak 24.1%, maka hipotesis H_0 ditolak dan bermakna menerima hipotesis H_1 .

4.12.8 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Penghayatan Nilai-nilai KeIslaman dan Budaya Ketimuran Masyarakat Melayu Kelantan

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Melayu Kelantan adalah seperti di Lampiran T8.

Nilai Chi-square (dikira) = 19.00433

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 3 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 7.8143

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Melayu Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Melayu Kelantan, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan penghayatan nilai-nilai keIslaman dan budaya ketimuran masyarakat Melayu Kelantan.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah pada paras yang tinggi (0.08086), dengan kesilapan sebanyak 8.96%, maka hipotesis H_0 ditolak dan bermakna menerima hipotesis H_a .

4.12.9 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Suasana Selesa Kerana Perhubungan dan Perpaduan Erat Antara Kaum

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan tarikan suasana selesa kerana perhubungan dan perpaduan erat di antara kaum adalah seperti di Lampiran T9.

Nilai Chi-square (dikira) = 13.63001

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 3 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 7.8143

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan suasana selesa kerana perhubungan dan perpaduan erat di antara kaum adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan suasana selesa kerana perhubungan dan perpaduan erat di antara kaum, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan suasana selesa kerana perhubungan dan perpaduan erat di antara kaum.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan pembolehubah di atas adalah pada paras yang tinggi (0.04142), dengan kesilapan sebanyak 3.44%, maka hipotesis H_0 ditolak dan bermakna menerima hipotesis H_1 .

4.12.10 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Sifat Ramah-mesra Masyarakat Kelantan

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan tarikan sifat ramah-mesra masyarakat Kelantan adalah seperti di Lampiran T10.

Nilai Chi-square (dikira) = 45.59802

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan sifat ramah-mesra masyarakat Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat ramah-mesra masyarakat Kelantan, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan sifat ramah-mesra masyarakat Kelantan.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan tempat asal pelancong dan tarikan sifat ramah mesra masyarakat Kelantan adalah pada paras yang tinggi (0.10069), dengan kesilapan sebanyak 20.0% maka hipotesis H10o ditolak dan bermakna menerima hipotesis H10a.

4.12.11 Hubungan Tempat Asal Pelancong dan Tarikan Pelbagai Jenis Makanan dan Kueh-Mueh Tradisional.

Print-out komputer untuk *contingency table (Crosstabulation)* hubungan tempat asal pelancong dan tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional adalah seperti di Lampiran T11.

Nilai Chi-square (dikira) = 14.56604

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 4 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 9.4877

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara tempat asal pelancong dan tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah rendah (0.00000), dengan kesilapan sebanyak 0.00%, maka hipotesis H11o ditolak dan bermakna menerima hipotesis H11a.

4.12.12 Hubungan Pelancong dan Tarikan Keunikan Hasil Kerja tangan

Print-out komputer untuk *contingency table (crosstabulation)* hubungan pelancong dan tarikan keunikan hasil kerja tangan adalah seperti dalam Lampiran T12. Bagi menentukan samada perhubungan di antara pelancong terhadap tarikan keunikan hasil kerja tangan itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 57.62401

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 3 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 7.8147

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih besar daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara pelancong dan tarikan keunikan hasil kerja tangan masyarakat Kelantan sebagai dorongan untuk melancong ke Kelantan adalah signifikan. Dengan kata lain terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong asing terhadap tarikan keunikan hasil kerja tangan untuk

melancong ke Kelantan, bermakna terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong asing terhadap sumber tarikan keunikan hasil kerja tangan.

Nilai Lambda untuk menjangkakan kekuatan hubungan adalah pada paras yang tinggi (0.13487), dengan kesilapan sebanyak 4.92%, maka hipotesis H12o ditolak dan menerima hipotesis H12a.

4.12.13 Hubungan Pelancong dan Tarikan Keunikan Permainan Tradisi Masyarakat Kelantan

Print-out komputer untuk contingency table hubungan pelancong dan tarikan keunikan permainan tradisi masyarakat Kelantan adalah seperti dalam Lampiran T13. Bagi menentukan samada perhubungan di antara pelancong dan tarikan keunikan permainan tradisi masyarakat Kelantan itu signifikan atau tidak, teknik *Chi-square (Crosstabs)* digunakan.

Nilai Chi-square (dikira) = 5.31105

Pada aras keertian 95% (alfa = 0.05), dan 3 darjah kebebasan didapati nilai Chi-square (dalam jadual) = 7.8147

Oleh kerana nilai Chi-square (dikira) lebih kecil daripada nilai Chi-square (jadual), ini bermakna hubungan antara pelancong dan dorongan tarikan keunikan permainan tradisi masyarakat Kelantan untuk melancong ke Kelantan adalah tidak signifikan. Dengan kata lain tidak terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong asing terhadap tarikan keunikan permainan tradisi masyarakat Kelantan, dan bermakna tidak terdapat perbezaan minat yang ketara di antara pelancong dalam negeri lelaki dengan pelancong asing dalam hal tersebut.

Kekuatan hubungan adalah pada nilai Lambda (0.0000), dengan kesilapan sebanyak 0.00%, maka hipotesis H13o gagal ditolak dan bermakna menerima hipotesis H13o.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dan membuat rumusan keseluruhan daripada soal-selidik yang diedarkan kepada responden-responden, rumusan berkaitan dengan ujian-ujian hipotesis, dan rumusan berkaitan dengan penemuan hasil pemerhatian dan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu dan membolehkan penyelidik memberi cadangan untuk meningkatkan lagi pelancongan di negeri Kelantan

5.2 Rumusan Soal-selidik

Rumusan dari analisis soal-selidik dan komen-komen yang diberikan oleh responden boleh diringkaskan seperti berikut:

5.2.1 Dorongan Melancong

Sebilangan besar pelancong (73.4%) didorong oleh faktor budaya masyarakat Kelantan yang sebenarnya unik bagi mereka. Walau bagaimanapun, 23.4% daripada pelancong khususnya pelancong dalam negeri mengatakan dorongan barangan berkualiti dan harga yang murah menjadi penyebab mereka berada di Kelantan, 2.7% pelancong didorong oleh kawasan pantai dan permandangan yang menarik dan indah. Hanya 0.5% mengatakan dorongan 'tidak pasti' mereka berada di Kelantan.

5.2.2 Sumber tarikan pelancongan negeri Kelantan

5.2.2.1 Negeri Kelantan mempunyai pelbagai sumber tarikan pelancongan seperti budaya yang unik, pantai yang menarik dan permandangan yang indah.

Sebanyak 81.9% daripada responden meletakkan skala tinggi dan amat tinggi terhadap pernyataan bahawa negeri Kelantan mampu menawarkan pelbagai bentuk sumber tarikan pelancongan dan mereka meletakkan sumber tarikan yang paling utama dalam menentukan pembangunan yang berterusan industri pelancongan adalah warisan seni dan budaya masyarakatnya (93.9%)

5.2.2.2 Saya amat tertarik dengan keunikan warisan seni tradisi dan budaya asli masyarakatnya.

Sebanyak 88.7% responden meletakkan skala tinggi terhadap tarikan keunikan warisan seni budaya semasa mereka berada di Kelantan, manakala 11.0% mengambil sikap berkecuali dan hanya 0.3% responden memberikan skala rendah terhadap tarikan keunikan warisan seni budaya masyarakat semasa berada di Kelantan.

5.2.2.3 Seseorang pelawat boleh melihat keunikan kebudayaan masyarakat Melayu apabila berada di negeri Kelantan.

Berkaitan dengan pernyataan bahawa budaya masyarakat Kelantan boleh mewakili kebudayaan masyarakat Melayu secara keseluruhannya, sebanyak 71.7% responden memberikan skor yang tinggi, manakala 27.7% mengambil sikap berkecuali dan hanya 0.5% responden memberikan skor yang rendah.

5.2.2.4 Budaya masyarakat Kelantan tetap teguh dalam menghadapi perubahan zaman merupakan sesuatu yang unik sebagai sumber tarikan pelancongan.

Sebanyak 71.4% responden memberikan skor yang tinggi terhadap pernyataan bahawa budaya masyarakat Kelantan tetap teguh dalam menghadapi perubahan zaman sebagai sumber tarikan pelancongan mereka, manakala 25.0% berkecuali dan 3.6% responden memberikan skor yang rendah terhadap pernyataan di atas.

5.2.2.5 Penilaian tentang kekuatan pengaruh warisan seni budaya masyarakat sebagai sumber tarikan pelancongan.

Ketika responden pelancong diminta memberikan penilaian terhadap kekuatan pengaruh warisan seni budaya sebagai sumber tarikan pelancongan mereka, maka didapati sebanyak 45.3% responden memberikan skor yang tinggi, 48.6% responden memberikan skor yang sederhana dan hanya 5.2% responden memberikan skor yang rendah.

5.2.3 Sosio-budaya masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan

5.2.3.1 Kegigihan kaum wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki sebagai sumber tarikan pelancongan.

Sebanyak 64.3% responden meletakkan skala tarikan 'tinggi' dan 'amat tinggi' terhadap aspek kegigihan kaum wanita Kelantan bersaing dengan kaum lelaki dalam merebut peluang-peluang ekonomi berbanding dengan sebanyak 35.3% daripada responden meletakkan skala 'rendah' dan 'sederhana'

5.2.3.2 Sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan kaum lain sebagai sumber tarikan .

Dari segi sifat dinamis masyarakat Melayu Kelantan dalam persaingan merebut peluang-peluang ekonomi dengan kaum-kaum lain, skala sumber tarikan yang dinyatakan oleh responden adalah: 67.9% meletakkan skala 'tinggi' dan 'amat tinggi'.

5.2.3.3 Penghayatan nilai-nilai Islam dan budaya ketimuran oleh masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan.

Dalam konteks penghayatan nilai-nilai keIslaman dan amalan budaya ketimuran dikalangan masyarakat Kelantan sebagai sumber tarikan pelancong 81.6% pelancong meletakkan skala antara tarikan sederhana dan amat tinggi, manakala 18.4% responden pelancong meletakkan skala tarikan rendah dan amat rendah.

5.2.3.4 Perpaduan dan perhubungan erat di antara kaum mewujudkan suasana selesa semasa berada di Kelantan sebagai sumber tarikan.

75% responden pelancong menyatakan keseronokan 'suasana selesa' mereka berada di Kelantan kerana perpaduan dan perhubungan erat antara kaum-kaum dalam masyarakat Kelantan. Kebanyakan pelancong merasa kagum dengan keupayan masyarakat Cina Kelantan fasih bertutur loghat Kelantan.

5.2.3.5 Pelawat merasa kedatangan mereka dialu-alukan kerana sifat ramah mesra masyarakatnya.

Sebanyak 74.6% responden memberikan skor yang tinggi terhadap tarikan sifat ramah mesra masyarakat Kelantan, manakala 23.7% memberikan skor yang sederhana dan 1.7% responden pelancong memberikan skor yang rendah terhadap

tarikan sifat ramah mesra masyarakat Kelantan semasa berada di sana dan mereka merasakan bahawa ketibaan mereka adalah dialu-alukan .

5.2.3.6 Menikmati pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh tradisional sebagai sumber tarikan.

Sebanyak 71.4% pelancong memberikan skor yang tinggi terhadap tarikan pelbagai jenis makanan dan kueh-mueh yang berada di Kelantan, manakala 25.5% pelancong memberikan skor yang sederhana dan hanya 0.8% pelancong memberikan skor yang rendah terhadap perkara di atas.

5.2.4 Keunikan Hasil Kerjatangan Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

5.2.4.1 Ketinggian nilai seni dan mutu kerja tangan masyarakat Kelantan dapat dilihat pada hasil keluaran kerja tangannya.

Sebanyak 41.7% daripada responden meletakkan skala tinggi terhadap ketinggian nilai seni dan mutu barangan hasil kerja tangan masyarakat Kelantan. Walau bagaimanapun, 50.5% daripadanya mengambil sikap berkecuali dan 7.6% meletakkan mutu dan nilai seni barangan hasil kerja tangan pada tahap yang rendah.

5.2.4.2 Warisan seni budaya tradisi masyarakat Kelantan terpancar melalui hasil keluaran kerja tangannya

Sebanyak 82.4% responden yang disoal-selidik memberikan skor yang tinggi bahawa keunikan hasil kerja tangan masyarakat Kelantan adalah adalah gambaran daripada warisan seni dan budaya masyarakatnya, 7.4% responden memberikan skor yang sederhana dan 10.2% responden memberikan skor yang rendah.

5.2.4.3 Hasil keluaran kerja tangan adalah menggunakan daya kreativiti dan imajinasi tanggi sebagai sumber tarikan

63.7% responden meletakkan skala setuju dan amat setuju bahawa keunikan hasil kerja tangan masyarakat Kelantan adalah hasil daripada gabungan daya kerativiti dan imajinasi yang tinggi yang digunakan dalam rekabentuk dan corak hasil keluaran. Manakala 29.1% mengambil sikap berkecuali dan 7.1% responden tidak bersetuju. Justeru itu sebahagian besar pelancong (83.6%) mengatakan rasa kagum dan bangga mereka kerana memiliki barangan hasil kerja tangan masyarakat Kelantan.

5.2.4.4 Corak dan bentuk pada hasil keluaran kerja tangan melambangkan sifat lemah lembut masyarakatnya.

Sebanyak 60.8% daripada responden memberikan skor yang tinggi terhadap pernyataan di atas, manakala 33.0% memberikan skor yang sederhana dan 6.0% responden memberikan skor yang rendah .

5.2.4.5 Kekuatan pengarug keunikan hasil kerja tangan sebagai sumber tarikan pelancongan.

Negeri Kelantan sememangnya terkenal dengan penghasilan barangan kerjatangan yang bermutu tinggi. 75.8% responden yang disoal-selidik memberikan skor yang tinggi ke atas tarikan keunikan hasil kerjatangan terhadap keputusan memilih Kelantan sebagai destinasi pelancongan, 20.1% responden memberikan skor yang sederhana dan 4.1% responden memberikan skor yang rendah.

5.2.5 Permainan Tradisi Rakyat Sebagai Sumber Tarikan Pelancongan

5.2.5.1 Permainan gasing dan wau merupakan permainan tradisional asli masyarakat Kelantan.

Sebanyak 59.1% responden memberikan skor yang tinggi bahawa permainan gasing dan wau merupakan permainan tradisional asli masyarakat Kelantan, manakala 35.2% responden memberikan skor yang sederhana dan 5.7% responden memberikan skor yang rendah .

5.2.5.2 Cara di mana gasing dan wau dimainkan amat menarik minat saya.
Sebanyak 63.2% responden pelancong memberikan skor yang tinggi,

12.1% responden pelancong memberikan skor yang sederhana dan 24.7% lagi memberikan skor yang rendah.

5.2.5.3 Penampilan, pergerakann, dan cara berpakaian yang ditunjukkan dalam permainan tradisional sangat menarik perhatian.

Sebanyak 62.6% responden pelancong memberikan skor yang tinggi terhadap pernyataan di atas, 15.7% responden memberikan skor yang sederhana dan 21.7% memberikan skor yang rendah.

5.2.5.4 Keunikan yang terdapat dalam permainan tradisional masyarakat merupakan sumber tarikan utama semasa berada di Kelantan.

Sebanyak 65.2% responden memberikan skor yang tinggi terhadap tarikan keunikan permainan tradisional masyarakat Kelantan, 14.6% responden lagi memberikan skor yang sederhana dan selebihnya memberikan skor yang rendah.

5.2.6 Persembahan Seni Tradisi Sebagai Sumber Tarikan.

5.2.6.1 Pengaruh tarikan persembahan wayang kulit kepada pelancong

56.6% responden memberikan skor yang tinggi terhadap persembahan wayang kulit sebagai sumber tarikan pelancongan ke Kelantan, manakala 18.4% mengatakan tarikan yang sederhana dan 25% memberikan skor tarikan yang rendah.

5.2.6.2 Pengaruh tarikan persembahan mak yong

Keadaan yang sama juga dapat dilihat pada persembahan mak yong di mana 54.4% responden pelancong memberikan skor yang tinggi, 15.4% memberikan skor yang rendah, dan 30.2% responden pelancong memberikan skor yang rendah.

5.2.6.3 Pengaruh tarikan persembahan dikir barat

Sebanyak 64.0% responden pelancong memberikan skor yang tinggi terhadap tarikan persembahan dikir barat, 29.9% responden memberikan skor tarikan yang sederhana dan selebihnya memberikan skor yang rendah. Trend skor yang diberikan oleh responden kepada tarikan persembahan dikir barat lebih kurang sama dengan trend skor yang diberikan kepada tarikan persembahan seni silat.

5.2.6.4 Dari segi sumber tarikan yang terdapat dalam setiap persembahan tersebut, Kebanyakan pelancong (lebih daripada 50%) tertarik dengan aksi, pakaian yang dipakai, loghat bahasa yang digunakan dan muzik yang mengiringi persembahan tersebut.

5.3 Rumusan Ujian Hipotesis

Keputusan daripada ujian hipotesis bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- 5.3.1 Terdapat perbezaan yang ketara di antara pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri terhadap dorongan untuk mereka melancong ke Kelantan kerana minat mereka yang berbeza. Majoriti pelancong asing didorong oleh faktor keunikan budaya asli masyarakat Kelantan, kawasan pantai yang menarik dan pemandangan yang indah, manakala bagi pelancong tempatan, tarikan pelancongan mereka ke Kelantan adalah tertumpu kepada faktor budaya masyarakat dan tawaran harga barang yang dikatakan secara relatifnya lebih murah dan kualiti yang setanding dengan ditempat lain.
- 5.3.2 Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong lelaki dan pelancong perempuan terhadap dorongan pelancongan mereka ke Kelantan. Jantina pelancong tidak membezakan minat mereka. Apa yang diminati oleh pelancong perempuan juga diminati oleh pelancong lelaki.
- 5.3.3 Terdapat perbezaan hubungan yang ketara di antara pelancong yang telah berkahwin dan pelancong yang bujang terhadap dorongan pelancongan mereka ke Kelantan.
- 5.3.4 Terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara pelancong golongan muda dan pelancong golongan berumur terhadap dorongan pelancongan mereka ke Kelantan. Sebahagian besar pelancong yang berumur antara 21 - 40 tahun lebih didorong oleh faktor keunikan budaya masyarakat dan harga barangan yang murah secara relatif berbanding dengan harga ditempat-tempat lain.

